



Dapatkan e-paper  
MHI di sini

# Tawaran Melaka di Dubai



- Expo 2020 Dubai : *Melaka Week* diadakan pada 13-19 Mac
- Sasar pelaburan RM500 juta - KM
- 11 agensi, 16 PKS terlibat
- Lapan sesi forum dan *business talk*
- Lima acara menandatangani MoU, lebih 30 padanan perniagaan 2&3



**COVID-19:**  
Sekolah,  
pejabat  
kerajaan  
ditutup

5



**MHI rangkul tiga Anugerah Emas**

6&7

KETUA MENTERI  
Dimenangi oleh :

MELAKA HARIINI (MHI)

ANUGERAH EMAS

RM5,000



Hari-hari boleh  
makan nasi kenduri

28

# Melaka intai pelaburan RM500 juta di Dubai

Liana Sahabudin

**SERI NEGERI** - Kerajaan negeri menyasarkan pencapaian sebanyak RM500 juta pelaburan masuk ke Melaka sepanjang tempoh penyera-

taan Melaka ke Expo 2020 Dubai.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, menerusi Expo itu kerajaan negeri telah merancang lebih lapan sesi

forum dan 'business talk'.

"Terdapat lima acara menantangani memorandum persefahaman (MoU) dan lebih 30 padanan perniagaan sepanjang

minggu di Melaka bakal diadakan sepanjang 'Melaka Week' di Expo berkenaan.

"Melaka Week akan diadakan pada 13 Mac di Pavilion Malaysia,



SULAIMAN dan Ab Rauf dalam sidang media Majlis Pra Pelancaran bagi Penyertaan Melaka di Expo 2020 Dubai di Seri Negeri.

Foto: Mohd Azren Jamaludin

# MELAKA WEEK 13-19 MAC

**Kementerian Sains dan Teknologi (MOSTI)** adalah kementerian peneraju manakala **Malaysia Green Technology Corporation** adalah agensi peneraju bagi penglibatan Malaysia di Expo 2020 Dubai di Emiriah Arab Bersatu (UAE) dengan bertemakan 'Engaging Sustainability' (Memperkasa Kemapanan).

Melaka menjadi negeri bertuah kerana diberikan peluang slot untuk mempromosikan negeri ini sepanjang 'Melaka Week' (minggu Melaka) dari 13 hingga 19 Mac depan.

**Kerajaan Melaka mensasarkan pencapaian pelaburan sebanyak RM500 juta sepanjang penyertaan ke Expo 2020 Dubai.**

**11 agensi dan syarikat kerajaan negeri terbabit.**

**5 MoU bakal ditandatangani.**

**8 sesi forum dan Business Talk.**

**Mempamerkan Melaka Tourism Master Plan.**

**16 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) diberi peluang mempromosikan produk.**

**30 padanan perniagaan.**

**FAKTA MENGENAI MELAKA WEEK**

**Mempamerkan Melaka Tourism Digital Platform.**

pameran melibatkan beberapa agensi kerajaan dan syarikat Perindustrian Kecil Sederhana (PKS), seminar serta 'business talk'.

"Selain padanan perniagaan, business meeting (mesyuarat perniagaan) dan lawatan ke pavilion negara-negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Pra Pelancaran bagi Penyertaan Melaka di Expo 2020 Dubai di sini, 16 Feb lalu.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Zaidi Johari; EXCO Kanan Pelaburan, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh; Penasihat Undang-Undang Negeri, Datuk Abdul Aziz Engan serta wakil jabatan dan agensi kerajaan negeri.

Sulaiman dijadualkan akan mengadakan lawatan ke beberapa pavilion negara lain seperti Pavilion Emiriah Arab Bersatu (UAE), Arab Saudi, Amerika Syarikat dan Sweden.

Selain itu, Sulaiman akan mengadakan perbincangan dan lawatan ke Sharjah Research Technology and Innovation Park, Dubai Global Village Management dan beberapa syarikat terkemuka UAE.

Untuk rekod, Melaka merupakan antara negeri yang telah diberikan slot khas oleh Kementerian Sains dan Teknologi (MOSTI) pada minggu ke-24 selama seminggu iaitu dari 13 hingga 19 Mac 2022.

Selain itu, Pulau Pinang, Johor, Pahang, Sabah dan Selangor turut menyertai Expo 2020 Dubai berkenaan.

## 11 agensi, GLC serta delegasi Melaka ke Expo 2020 Dubai

**SERI NEGERI** - Sebanyak 11 agensi dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) akan menyertai delegasi Melaka ke Expo 2020 Dubai pada 13 Mac depan.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata antara agensi terlibat ialah Invest Melaka, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Perbadanan Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM).

Beliau berkata, turut serta adalah Tourism Melaka, Badan Kawal Selia Air (BKSA), Perbadanan Teknologi Hijau Melaka (PTHM), Perbadanan Bioteknologi Melaka, Kumpulan Melaka Berhad, Jabatan Pertanian Melaka dan Melaka ICT Holdings. Sdn Bhd.

"Kerajaan Negeri Melaka juga turut membawa bersama 16 Syarikat Perusa-

haan Kecil dan Sederhana (PKS) Negeri Melaka untuk mempromosikan produk keluaran negeri Melaka.

"Antaranya Cahaya Gemilang Marketing, Asas Matahari, Nuha Food Sdn Bhd, Al Taj Food Marketing Sdn Bhd, Forest Town Honeybee, NRB Food Industries, O Seeker Food Sdn Bhd, KS Industrial Tools Sdn Bhd. dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Pra Pelancaran bagi Penyertaan Melaka di Expo 2020 Dubai di sini, 16 Feb lalu.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Zaidi Johari; EXCO Kanan Pelaburan, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh; Penasihat Undang-Undang Negeri, Datuk Abdul Aziz Engan serta wakil jabatan dan agensi kerajaan negeri.

### WAKTU SOLAT

Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya, solat seseorang dilakui secara berjemaah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian.

21 Februari - 27 Februari 2022 (19 Rejab - 25 Rejab 1443H)

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
21 FEBRUARI 2022	6.15 am	7.24 am	1.27 pm	4.44 pm	7.28 pm	8.38 pm
22 FEBRUARI 2022	6.15 am	7.23 am	1.27 pm	4.43 pm	7.28 pm	8.37 pm
23 FEBRUARI 2022	6.14 am	7.23 am	1.27 pm	4.43 pm	7.28 pm	8.37 pm
24 FEBRUARI 2022	6.14 am	7.23 am	1.27 pm	4.43 pm	7.28 pm	8.37 pm
25 FEBRUARI 2022	6.14 am	7.23 am	1.27 pm	4.42 pm	7.27 pm	8.37 pm
26 FEBRUARI 2022	6.14 am	7.23 am	1.27 pm	4.41 pm	7.27 pm	8.37 pm
27 FEBRUARI 2022	6.14 am	7.22 am	1.26 pm	4.41 pm	7.27 pm	8.36 pm

# Tiga fokus M-WEZ di Expo 2020 Dubai

Liana Sahabudin

**AYER KEROH** - Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ) bakal mengetengahkan tiga perincian utama melibatkan sektor pelaburan di Expo 2020 Dubai 'Melaka Week' pada 13 hingga 19 Mac ini.

Ketua Pegawai Eksekutif M-WEZ, Mohd Yusof Abu Bakar berkata antara pengisian yang akan diberi tumpuan ialah 'business talk' bagi membincangkan pelaburan di bawah M-WEZ.

Selain itu, katanya 'business matching' dan Memorandum Persefahaman (MoU) bersama syarikat pelabur juga bakal diberi penekanan dalam Expo berkenaan.

"Ada beberapa komponen akan kita laksanakan, satu M-WEZ akan terlibat dalam business talk, kita bercakap berkenaan potensi pelaburan dibawah M-WEZ.

"Kedua 'business matching' yang mana kita akan jumpa syarikat konsesi tambak laut kita dengan pelabur-pelabur yang berpotensi untuk 'join venture' (bekerjasama) dengan mereka bagi pembangunan projek-projek yang sudah dikenalpasti.

"Ketiga tandatangan MoU atau perjanjian dengan beberapa



SEKITAR majlis pelancaran M-WEZ pada 8 April tahun lalu. Foto: Mohd Azren Jamaludin

syarikat pelabur.

"Buat masa ini kita belum ada senarai pelabur terlibat kerana kita sedang memuktamadkan pelabur tersebut," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Katanya, penglibatan M-

WEZ di dalam Expo tersebut setakai gus bertujuan mempromosikan M-WEZ sebagai kawasan pembangunan berteraskan pelancongan, perkhidmatan, pelabuhan dan perindustrian IR 4.0.

"Ini menjadikan negeri Melaka sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia dan pilihan utama pelabur.

"M-WEZ merupakan 'game changer' dan memboleh ekonomi kepada pembangunan negeri Me-

laka untuk tempoh 15 tahun akan datang.

"Ia juga berpotensi melonjakkan ekonomi Melaka setanding dengan koridor wilayah ekonomi yang sedia ada di dalam negara," katanya.

## Promosi produk Melaka di pasaran antarabangsa - PKNM

**AYER KEROH** - Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) dijangka membawa 16 usahawan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) Melaka untuk mempromosi produk kepada negera luar di Expo 2020 Dubai 'Melaka Week' pada 13 hingga 19 Mac depan.

Ketua Pegawai Eksekutif PKNM Datuk Azmi Hussain berkata, kesemua usahawan terlibat adalah mereka yang berpotensi dan

bersedia untuk mengeksport produk sehingga ke pasaran antarabangsa.

"Kita dah kenal pasti beberapa usahawan untuk serta dalam 'Melaka Week' nanti, mereka adalah usahawan Melaka yang terlibat dalam bidang makanan, teknikal dan banyak lagi.

"Pada masa sama kita akan meterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan pelabur berminat serta usahawan yang menerima

tawaran dari pihak luar negera, mereka juga kita beri peluang dan ruang untuk tandatangan MoU dengan rakan strategik mereka," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Azmi berkata penglibatan PKNM pada Expo itu adalah bagi mempromosikan negeri Melaka sebagai negeri perindustrian kepada pelabur dari negara-negara yang berpotensi.

"PKNM akan membentangkan kertas kerja dan taklimat kepada para pelabur sebagai usaha untuk menggalakkan pelaburan di

Melaka.

"Kita ada selaraskan bersama agensi lain untuk mendapatkan pelabur-pelabur yang berpotensi dan me-

maklumkan kepada mereka (pelabur) berkenaan negeri Melaka sebagai negeri yang terbaik membuat pelaburan," katanya.

## EXPO 2020 DUBAI

Expo 2020 Dubai berlangsung selama enam bulan dari Oktober 2021 hingga Mac 2022 merupakan Expo ketiga terbesar dunia daripada skala penganjuran selepas Sukan Olimpik dan Piala Dunia. Penganjurannya diadakan setiap 5 tahun sekali dengan penggiliran dilakukan secara undian.

### FAKTA EXPO 2020 DUBAI

- ✓ Sasaran hingga 25 juta pelawat sepanjang tempoh penganjuran.
- ✓ Berlangsung selama 182 hari.
- ✓ Disertai 192 buah negara dunia.
- ✓ 30,000 sukarelawan terbabit.
- ✓ 100 robot dibina di China bertugas sebagai penyambut tetamu, menghantar makanan dan menunjuk arah.
- ✓ Robot emas dikenali sebagai 'Opti' menjadi maskot rasmi.
- ✓ Pengambilan vaksin tidak mandatori bagi pelawat.
- ✓ Tapak penganjuran Expo 2020 Dubai lebih luas berbanding 600 padang bola sepak.



AZMI Foto: MR Azli



# Tun Mohd Ali pantau kerja pembaikan bas elektrik

Liana Sahabudin

**AYER KEROH** - Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam mengadakan lawatan ke Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bagi meninjau kerja-kerja pembaikan bas elektrik Panorama Melaka di Fakulti Kejuruteraan Elektrik UTeM, 15 Feb lalu.

Pada lawatan itu Tun Mohd Ali diberikan penerangan mengenai kerja-kerja pembaikan tersebut oleh kakitangan UTeM yang terlibat.

Selain itu Tun Mohd Ali turut meluangkan masa ham-pir dua jam untuk melihat beberapa produk dan perkongsian mengenai peluang universiti industri khususnya di Negeri Melaka.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi yang menjalankan fungsi Naib Canselor UTeM, Prof Dr Ghazali Omar; Penolong Naib Canselor Jar-jangan Industri dan Masyarakat, Prof Dr Md Nazri Othman dan Pengurus Besar Panorama Sdn Bhd, Datuk Abu Bakar Abdul.



**TUN** Mohd Ali melihat kerja-kerja pembaikan bas elektrik Panorama Melaka yang sedang dijalankan di bawah Fakulti Kejuruteraan Elektrik UTEM.

## Melaka bakal adakan sambutan Bulan Solat

Siti Salehah

**BUKIT BARU** - Kerajaan negeri akan melancarkan sambutan Bulan Solat Peringkat Negeri Melaka seiring dengan sambutan yang diadakan di peringkat kebangsaan awal bulan ini.

Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, sambutan itu akan menitikberatkan amalan solat berjemaah di masjid dan surau di negeri ini.

Justeru beliau berharap umat Islam di negeri ini dapat bersama-sama mengimarahkan masjid dan surau

dengan solat berjemaah, selain mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan bagi mengelakkan jangkitan COVID-19.

"Solat berjemaah dan mengimarahkan masjid adalah satu aktiviti yang amat dekat di hati saya, sehubungan itu dalam bulan yang baik ini, bulan Rejab, bulan ibadat solat difardukan kepada umat Muslimin, saya menyahut seruan JAKIM untuk melancarkan Bulat Solat peringkat negeri Melaka.

"Bagi memaksimumkan pengimarahkan masjid dan surau, kerajaan negeri

turut prihatin agar setiap masyarakat Islam mendaami ilmu agama secara tidak formal dan berterusan mewujudkan kelas pengajian Takmir di masjid serta surau terpilih di seluruh negeri Melaka.

"Seramai 172 orang Guru Takmir telah dilantik bagi mengimarahkan 584 masjid dan surau di Melaka dengan peruntukan tahanan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM2.53 juta," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian

Multaqa Murabbi Ummah (MMU) Peringkat Negeri Melaka 1443H, 15 Feb lalu.

Hadir sama, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Idris Ahmad; Timbalan Ketua Pengarah Operasi JAKIM, Datuk Dr Sirajuddin Suhaimee; Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Zaidi Johari; Timbalan Pengerusi MAIM, Datuk Wira Md Rawi Mahmud dan Mufti Melaka, Datuk Wira Abdul Halim Tawil.

Menurut beliau, kerajaan negeri juga turut men-

galu-alukan dasar baru Takmir peringkat persekutuan yang mengembangkan sayap program Takmir bukan hanya di masjid dan surau sahaja.

Oleh yang demikian, ujar beliau, pada tahun ini program Takmir juga akan dilaksanakan di institusi kendalian Jabatan Penjara, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) di Melaka serta perkampungan Orang Asli.

"Saya mengharapkan program Takmir ini dapat memperkasakan Program



**SULAIMAN**

Halaqah yang telah dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) di institusi terbabit," katanya.

## RM13 juta untuk pegawai syarak, guru KAFA Melaka

**AYER KEROH** - Melaka menerima peruntukan berjumlah RM13,320,705.60 daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi tujuan pembangunan dakwah dan Islam di negeri

ini.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Idris Ahmad berkata, sejumlah RM7,016,785.60 juta akan diperuntukkan kepada imam,

bilal, noja dan guru takmir di negeri ini.

Manakala bahinya akan diperuntukan kepada guru KAFA di negeri ini sepanjang tahun 2022. "Peruntukan lebih RM7 juta

kepada imam, bilal, noja dan guru takmir membabitkan 2,294 penyerima yang banyak memberi sumbangan dalam pembangunan dakwah dan Islam.

"Peruntukan itu membabitkan caruman kerajaan sebanyak RM232.80 bagi Paket Program Perlindungan di bawah Skim Pekerja Sendiri (SPS) Perkeso membabitkan seramai 777 orang dengan peruntukan sebanyak RM180,885.60 setahun.

"Bagi imbuhan Imam pula diperuntukkan RM3,845,400 kepada seramai 377 orang eluan

Guru Takmir diperuntukkan sebanyak RM2,538,000 kepada 235 orang untuk suku pertama tahun ini disalurkan pada 7 Jan lalu," katanya.

Beliau berkata, demikian ketika berucap pada Multaqa Murabbi Ummah Peringkat Melaka 2022 yang dirasmikan oleh Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali, 15 Feb lalu.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Zaidi Johari dan Mufti Melaka, Datuk Wira Abdul Halim Tawil.



IDRIS (dua dari kiri) menyerahkan replika cek bernilai lebih RM13 juta kepada Sulaiman (tengah) untuk peruntukan pegawai syarak dan guru KAFA di Melaka sepanjang 2022.

### RAMALAN KAJI CUACA DI MELAKA 21 FEBRUARI - 24 FEBRUARI 2022

Isnin 21/02/2022	Selasa 22/02/2022	Rabu 23/02/2022	Khamis 24/02/2022
Pagi: Tiada hujan Petang: Ribut petir di satu atau dua tempat di kawasan pedalaman Malam: Tiada hujan Min: 24° / Maks: 33°	Pagi: Tiada hujan Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 24° / Maks: 33°	Pagi: Tiada hujan Petang: Ribut petir di satu atau dua tempat di kawasan pedalaman Malam: Tiada hujan Min: 24° / Maks: 33°	Pagi: Tiada hujan Petang: Ribut petir di satu atau dua tempat di kawasan pedalaman Malam: Tiada hujan Min: 24° / Maks: 33°

Sumber : Jabatan Meteorologi Melaka (MetMalaysia) Infografik : Melaka Hari Ini

# 11 sekolah tutup akibat COVID-19

**Farah Suhaidah Othman**

**AYER KEROH** - Sebanyak 10 sekolah rendah dan satu sekolah menengah di negeri ini ditutup susulan berlaku peningkatan kes COVID-19 setakat Jumaat lalu.

EXCO Pendidikan Negeri Datuk Rais Yasin berkata, penutupan sekolah berkenaan dilakukan selepas sejumlah pelajar yang terlibat disahkan positif COVID-19.

Namun, jelasnya kesemua pelajar yang positif hanya bergejala ringan dan tidak merekodkan sebarang kes kritisik.

Antara sekolah yang ditutup ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tun Tuah; Sekolah Kebangsaan (SK) Kampong Tun Razak; SK Paya Redan; SK Batu Berendam; SK Pulai; SK Chinchin; SK Tun Syed Ahmad Shahabudin; SK Duyong, SK Bukit Rambai; SK Taman Bukit Rambai serta Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Yu Ning.

"Setakat ini, tempoh penutupan sekolah adalah dalam lingkungan lima hingga ke tujuh hari, bergantung kepada keadaan dan tahap penularan COVID-19 di sekolah-sekolah tertentu.

"Sesi persekolahan bagi sekolah yang

ditutup itu akan diteruskan secara Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) bagi memastikan kelangsungan pembelajaran murid," katanya dalam satu kenyataan 18 Feb lalu.

Dalam pada itu, beliau berkata pihak jabatan juga akan memperketatkan prosedur operasi standard (SOP) di sekolah bagi membendung peningkatan kes COVID-19 membabitkan institusi pendidikan.

"Ia termasuklah melaksanakan saringan suhu sebelum masuk ke sekolah dan menjalankan ujian saringan RTK secara bersasar.

"Selain itu, pihak pengurusan sekolah juga akan memantau penjarakan fizikal pelajar ketika sesi persekolahan selain melaksanakan kaedah penggiliran pelajar," katanya.

Difahamkan, selain sekolah, beberapa premis lain seperti bangunan dan kompleks kerajaan turut ditutup susulan peningkatan kes COVID-19.

Antara yang ditutup ialah tiga bangunan pihak berkuasa tempatan (PBT), kilang-kilang, serta beberapa lokasi pelancongan termasuk muzium.



SESI persekolahan di 11 buah sekolah terganggu apabila terpaksa ditutup berikut peningkatan kes COVID-19 (Gambar hiasan). Foto: Iqmal Haqim Rosman



MUHAMAD Akmal (kiri) diterangkan mengenai operasi sebuah kilang di Merlimau dalam lawatan mengejutnya, baru-baru ini.

## Webinar khas bawa aspirasi kerajaan negeri, 24 Feb ini

**Liana Sahabudin**

**AYER KEROH** - Institut Tun Perak (ITP) bakal menganjurkan satu webinar khas bertajuk 'Melaka Menggamit Dunia, Fajar Kebangkitan Baharu' pada 24 Feb ini.

Pengurus Besar ITP, Hazzlan Samah berkata, webinar itu akan dirasmikan Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali, selain disertai dua panel jempatan iaitu Ketua Pegawai Eksekutif TRX Datuk Azmar Talib dan Pengurus Dewan Senior Majlis Dakwah Negara, Prof Emeritus Tan Sri Dr Mohd Kamal Hassan.

Katanya, webinar secara dalam talian

itu juga akan dikendalikan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Datuk Dr Sabri Mohamad Sharif selaku moderator.

Menurutnya, objektif webinar itu adalah untuk membawa aspirasi besar kerajaan negeri yang ingin menjadikan Melaka sebagai negeri tumpuan perdagangan dan pelancongan bertaraf dunia.

"Menerusi webinar ini kita dapat menjadikan Melaka sebagai pusat ketamadunan Islam pasca COVID-19."

"Dengan kata lain ia juga mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negeri Melaka khususnya dan

## Amaran keras buat majikan!

**Faiz Hasan**

**MERLIMAU** - Tindakan tegas akan diambil ke atas majikan yang sengaja mengarahkan pekerja positif COVID-19 mahupun kontak rapat untuk terus bekerja, kata EXCO Kesihatan negeri Dr Muhamad Akmal Saleh.

Beliau berkata, pekerja yang melalui situasi itu perlu segera melaporkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atau Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Melaka agar tindakan segera dapat diambil.

Jelasnya, ia berikutkan beberapa laporan diterima pihaknya membabitkan beberapa premis termasuk kedai makan, pasar raya dan pihak industri yang meminta pekerja untuk hadir meskipun dikelaskan sebagai kontak rapat.

"Kita menerima beberapa aduan dan minta pekerja untuk melaporkannya bagi mengekang kluster di tempat kerja yang semakin meningkat di negeri ini."

"Mereka kena tahu apa itu definisi kontak rapat dan jika didapati mereka benar-benar kontak rapat serta menepati beberapa

kriteria itu tetapi masih diminta untuk datang kerja, mereka boleh maklumkan pada kita.


"Pada tempoh ini juga kontak rapat sudah boleh mendaftar dalam MySejahtera, jadi jika ada majikan yang berdegil kita akan ambil tindakan tegas dan buat penilaian buat majikan terlibat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melakukan operasi pemantauan prosedur operasi standard (SOP) di sebuah kilang pembuatan optik di Merlimau, di sini, 14 Feb lalu.

Muhamad Akmal berkata, amaran tersebut diberikan ekoran berlaku peningkatan kluster tempat kerja di Melaka sejak kebelakangan ini.

Ujarnya, berdasarkan data yang diterima sejak akhir-akhir ini terdapat kenakan mendak jumlah kontak rapat dari tempat kerja.

"Peningkatan itu membabitkan beberapa premis termasuk kawasan industri, kedai makan dan pasar raya," katanya.



panel-panel yang dijemput untuk membantu menyelesaikan segala pertanyaan mereka.

"Fokus utama webinar ini adalah bagaimana proses pemulihan ekonomi akan dijalankan untuk membantu kerajaan

negeri terutama sektor pelancongan di Melaka yang terjejas akibat COVID-19," katanya.

Mengulas lanjut Hazzlan berkata, ITP dalam perancangan untuk memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Melaka Hari Ini untuk menyampaikan input-strategik yang dianjurkan dibawah program kerajaan negeri.



**PEMENANG Anugerah Emas daripada Melaka Hari Ini bergambar kenangan bersama Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.**

Foto: Mohd Azren Jamaludin

## Melaka Hari Ini bolot tiga Anugerah Emas

**Fiqa Jamal**

**BANDARAYA MELAKA** - Melaka Hari Ini membolot tiga Anugerah Emas pada malam Anugerah Media Melaka 2021 yang berlangsung di Hotel LaCrista, 14 Feb lalu.

Pencapaian yang diraih Melaka Hari Ini termasuklah Anugerah Emas Berita Cemerlang, Anugerah Emas Laporan TV Cemerlang dan Anugerah Emas Ketua Menteri Melaka.

Anugerah Berita Cemerlang dimenangi wartawan Mohamad Fazrul Abdul Majid dan Faiz Hasan dengan laporan

berita bertajuk 'Pencemaran Kritikal' sekali gus melayakkan mereka membawa pulang hadiah RM3,000 berserta trofi.

Laporan khas itu memaparkan kisah pencemaran di Sungai Punggol Paya Redan yang membenggu penduduk disiarkan di dalam akhbar Melaka Hari Ini pada edisi 30 Nov - 6 Dis 2020 lalu.

Selain itu, Melaka Hari Ini turut menggondol Anugerah Emas bagi kategori laporan TV cemerlang menerusi laporan Dokumentari Adat Perpatih yang disediakan wartawan penyiaran, Muhammad Faris Haikal Zakaria.

Kejayaan itu membolehkannya membawa pulang hadiah kemenangan RM3,000 berserta trofi.

Malam gemilang Melaka Hari Ini dilengkapkan dengan Anugerah Emas Ketua Menteri Melaka yang diberikan sebagai penghargaan kepada media rasmi kerajaan negeri itu dalam menyampaikan laporan berita dan dasar-dasar kerajaan negeri kepada rakyat.

Anugerah itu disampaikan sendiri Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali kepada Ketua Pegawai Eksekutif Melaka Hari Ini Sdn Bhd Datuk Seri Abdul Jalil Hamid.

## Melaka hargai jasa pengamal media

**Faiz Hasan**

**BANDARAYA MELAKA** - Pengamal media daripada pelbagai agensi di negeri ini diraikan dalam satu majlis Malam Anugerah Media Melaka 2021 di Hotel LaCrista, 14 Feb lalu.

Majlis yang dirasmikan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali itu diraikan penuh gilang-gemilang mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Program itu turut dimeraiahkan dengan kehadiran Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Zaidi Johari, barisan EXCO Kerajaan Negeri dan ketua-ketua jabatan serta agensi bersama kenamaan lain.

Bertemakan kebaya dan batik, kesemua yang terlibat begitu 'sporting' menggayaan pakaian berwarna-warni, selain turut diserikan lagi dengan persembahan istimewa sepanjang majlis berlangsung.

Pada malam penuh berprestij itu, sebanyak lapan anugerah dipertandingkan, antaranya Anugerah Berita

Cemerlang, Anugerah Laporan TV Cemerlang dan Anugerah Kandungan Radio Cemerlang.

Selain itu turut diperlombakan Anugerah Rencana Cemerlang, Anugerah Foto Cemerlang, Anugerah Personaliti Media, Anugerah Khas Ketua Menteri Melaka dan Anugerah Emas Ketua Menteri Melaka.

Sulaiman dalam sidang media selepas majlis menyifatkan malam itu sebagai satu malam penghargaan untuk mengenang jasa dan budi pengamal media yang selama ini banyak berkorban masa dan tenaga dalam menyiarkan berita-berita penting kepada negeri dan rakyat.

"Selain memberi bahan berita kepada kerajaan negeri, media juga menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan kehidupan rakyat.

"Jadi, tahniah diucapkan kepada yang menang anugerah dan kepada yang belum berjaya jangan putus asa kerana kita akan adakan lebih banyak anugerah seumpamanya di masa akan datang," katanya.



**SULAIMAN** (kiri) melancarkan 'Coffee Table Book Ketua Menteri' dalam majlis Anugerah Media Melaka 2021, 14 Feb lalu. Turut bersama Ketua Pegawai Eksekutif Melaka Hari Ini Sdn Bhd Datuk Seri Abdul Jalil Hamid.

Foto: Mohd Azren Jamaludin

## Buku istimewa Ketua Menteri dilancarkan

**Liana Sahabudin**

**BANDARAYA MELAKA** - Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali melancarkan 'Coffee Table Book Ketua Menteri', 14 Feb lalu.

Buku istimewa itu dilancarkan pada malam Anugerah Media Melaka 2021 di Hotel La Crista.

Buku itu menceritakan serba ringkas tentang perjalanan Sulaiman sebagai Ketua Menteri Melaka Ke-12 bermula 9 Mac 2020.

Segala memori rakaman perjalanan beliau dirakamkan di dalam buku setebal 120 halaman.

Turut mengiringi beliau melancarkan buku tersebut adalah Ketua Pegawai Eksekutif Melaka Hari Ini Sdn. Bhd. Datuk Seri Abdul Jalil Hamid.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Zaidi Johari, barisan EXCO Kerajaan Negeri dan lain-lain kenamaan.

## SENARAI PEMENANG ANUGERAH MEDIA MELAKA 2021

### LAPORAN TV CEMERLANG

- Mohamad Faris Haikal Mohd Zakaria**  
(Dokumentari Adat Pepatih) - Melaka Hari Ini

- Baharudin Mohamed**  
(Lampu Solar Orang Asli) - TV3

- Mahdi Abd Manaf**  
(Kris Pusaka Melayu Melaka) - TV3

### KANDUNGAN RADIO CEMERLANG

- Raihan Abdul Rahim**  
(Melaka Bersejarah Menggamit Dunia) - RTM Melaka

- Nor' Amalina Abdul Halim**  
(Arah Kiblat) - RTM Melaka

- Mohammad Azizi Shahril Abd Razak**  
(Persada Pantun) - RTM Melaka

### ANUGERAH RENCANA CEMERLANG

- Nazri Abu Bakar**  
(Rumahku Muzium 2 juta) - Harian Metro

- Shanika Abdullatif**  
(Hilang Udang Geragau Lenyaplah Belacan Melaka) - BERNAMA

- NurShuhadah Kadir**  
(Deepavali: Hidupkan Warisan Masyarakat Chetti, Elak Kepupusan) - Awani

### ANUGERAH BERITA CEMERLANG

- Mohamad Fazrul Abdul Majid / Mohd Faiz Abu Hasan**  
(Pencemaran Kritikal) - Melaka Hari Ini

- Amran Mulup**  
(Tidak Sekolah Tiada Sijil Lahir) - Utusan Malaysia

- Teh Siau Tong**  
(Kerajaan Melaka dan Jabatan Perikanan Melaka Mencadangkan Tiga Pulau diwartakan sebagai 'Taman Laut' termasuk Pulau Undan, Pulau Dodol dan Pulau Nangka) - Sin Chew Daily

### ANUGERAH FOTO CEMERLANG

- Iqmal Hakim Rosman**  
(Musim Bunga Keladi Macam dekat Oversea) - Harian Metro

- Ahmad Shahrin Syafeeq Ahmad Zamzuri**  
(Year End Polls in Sarawak? Analysis believe the November 20 Melaka polls, as asntobe lead to elections in Sarawak before the year is out uncertainty over the allegiance of the soob) - NSTP

- Rashidah Abdul Rahim**  
(Kesan Pencemaran Tumpahan Minyak) - BERNAMA

### ANUGERAH PERSONALITI MEDIA CEMERLANG

- Nurul Asyikin Abdul Halim** - RTM Melaka

- Nor Farhana Yaacob** - Sinar Harian

- Malini A/P Rangasamy** - Makkal Osai

### ANUGERAH KHAS KETUA MENTERI MELAKA

- Dewan Bahasa dan Pustaka**
- RTM**
- Bernama**
- TV3**
- Sin Chew Daiy**



### ANUGERAH EMAS KETUA MENTERI MELAKA

- Melaka Hari Ini (MHI)**





## Sekitar Malam Anugerah Media Melaka 2021 di Hotel LaCrista, 14 Feb lalu



KETUA Pegawai Eksekutif Melaka Hari Ini Sdn Bhd Datuk Seri Abdul Jalil Hamid (kanan) menunjukkan foto dan pengisian buku 'Coffee Table Book Ketua Menteri' kepada Sulaiman (kiri). Foto: Iqmal Haqim Rosman



ABDUL Jalil (kanan) mewakili Melaka Hari Ini Sdn Bhd menerima Anugerah Emas Ketua Menteri daripada Sulaiman (tengah) bersempena Anugerah Media Melaka 2021. Foto: Mohd Azren Jamaludin



EXCO Kerja Raya Negeri Datuk Rahmad Mariman (tengah) menyampaikan Anugerah Emas Berita Cemerlang kepada wartawan Melaka Hari Ini Mohamad Fazrul Abdul Majid. Foto: Iqmal Haqim Rosman



MUHAMMAD Faris Haikal Zakaria menerima Anugerah Emas Laporan TV Cemerlang daripada EXCO Kerajaan Negeri Datuk Rahmad Mariman (tengah). Foto: Mohd Azren Jamaludin



SULAIMAN (tengah) bersama Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Zaidi Johari (dua dari kiri) dan barisan EXCO Kerajaan Negeri hadir ke malam Anugerah Media Melaka 2021 di Hotel LaCrista, 14 Feb lalu. Foto: Iqmal Haqim Rosman



KETUA Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali (berdiri, tengah) bergambar bersama pemenang Anugerah Media Melaka 2021. Foto: Mohd Azren Jamaludin

## NO2 - TANJUNG BIDARA

# Ab Rauf prihatin nasib rakyat

Salman Hamat

**TANJUNG BIDARA** - Tiga penduduk di Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjung Bidara yang mengalami masalah kesihatan menerima bantuan katil dan kerusi roda pada program penyerahan berlangsung 15 Feb lalu.

Penyerahan dilakukan Datuk Wira Md Rawi Mahmud yang mewakili Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bidara Datuk Seri Ab Rauf Yusof yang juga penyumbang barangan berkenaan.

"Penerima membabitkan individu baru selesai menjalani pembedahan usus dan



pembedahan akibat kanser ovarи, manakala seorang lagi menghidap angin ahmar menerima sumbangan kerusi roda.

"Kami berharap sumbangan diserahkan memberikan keserasian dan memudahkan pihak keluarga untuk menguruskan mereka yang berkenaan," katanya.

Beliau berkata, sebelum ini pihak JAPERUN menerima permohonan daripada ketiga-tiga individu berkenaan dan bantuan segera diberikan.

"Semoga diberikan kesembuhan dan dipermudahkan segala urusan mereka ini," katanya.



MD Rawi (kiri) mewakili Datuk Seri Ab Rauf Yusoh ketika menyerahkan kerusi roda kepada penerima.

## NO1 - KUALA LINGGI

## Belia disaran mohon geran Agropreneur Muda

**KUALA LINGGI** - Belia sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Linggi yang berminat menceburkan diri dalam bidang pertanian digalakkan untuk memohon geran menerusi Program Agropreneur Muda.

Pegawai Pertanian Daerah Alor Gajah, Johanif Johari berkata, sejak ini lapan belia di DUN Kuala Linggi memperoleh manfaat menerusi program berkenaan.

"Kami mahu lebih ramai belia aktif dalam bidang pertanian khusus menggunakan teknik fertigasi, contoh di Kampung Permatang seorang belia mengusahakan 2,000 polibeg tanaman 'rock melon' yang mampu menjana pendapatan lumayan."

"Sebagai agensi bertanggungjawab kami berharap lebih ramai belia tampil, jangan risau ramai yang sedia berkongsi pengalaman dan memberikan tunjuk ajar," katanya selepas melawat ladang tanaman rock Melon di Kampung Permatang, Kuala Sungai Baru, di sini, 15 Feb lalu.

Hadir sama pada lawatan itu Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Linggi Rosli Abdullah.

Rosli dalam lawatan itu turut menyatakan minat untuk bekerjasama dengan Jabatan Pertanian dalam usaha melahirkan ramai lagi usahawantani dalam kalangan belia.



ROSLI (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada murid cemerlang UPKK.

## NO3 - AYER LIMAU



HAMEED mengendalikan jentera ketika menyempurnakan majlis pecah tanah pembinaan bangunan baharu surau Alawiyah.

## Surau Alawiyah dijangka siap sebelum Ramadan

**AYER LIMAU** - Pembinaan fasa 1 bangunan surau Alawiyah, Kampung Seberang Perai, di sini, dijangka siap sepenuhnya sebelum Ramadan akan datang.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Limau Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer berkata, mengikut perancangan tumpuan diberikan kepada pembinaan dewan solat

surau berkenaan.

"Kami harap perancangan berjalan lancar, bila siap ahli kariah kampung ini boleh menuaikan solat tarawih berjemaah dalam keadaan lebih selesa."

"Bangunan baharu ini juga dilengkapi kemudahan bilik kuliahan, sekali gus membolehkan kaum ibu dan kanak-kanak

menghadiri kelas membaca al-Quran," katanya selepas merasmikan Majlis Pecah Tanah Pembinaan Surau Alawiyah 11 Feb lalu.

Hameed berkata, pembinaan bangunan berkenaan dijangka mampu menampung sekitar 120 jemaah membabitkan kos RM250,000 hasil sumbangan ahli kariah.

MELAKA HARI INI	WARTAWAN	REKABENTUK & GRAFIK	IT SUPPORT	PEMASARAN	UNIT MEDIA SOSIAL	MELAKA TV
NO.TEL : 06 - 251 9314, 06 - 251 9315 FAX : 06 - 251 9316						
KETUA KANDUNGAN MOHD SALMAN HAMAT Salmanhamat@melakaharlini.my	PENGARANG MOHD FAZRUL ABDUL MAJID fazrul@melakaharlini.my	MOHD FAIZ ABU HASAN faizhasan@melakaharlini.my	AMBRAN MOHAMED ambran@melakaharlini.my	PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT ABDUL JALIL JAMAR abduljaliljamar@gmail.com	PENGURUS MUHAMMAD HAMZI ROSMANI amz@melakaharlini.my 018 - 329 9936	WARTAWAN PENYIARAN MOHAMAD FARIS HAikal farishalkal.zakaria@melakaharlini.my
PENGARANG DIGITAL FARAH SUHAIDAH OTHMAN farahothman@melakaharlini.my	JURUFOTO KANAN AZREN JAMILUDIN m.azren86@gmail.com	LIANA SAHABUDIN illyann90@melakaharlini.my	FIQA JAMAL norafiqahjamal93@gmail.com	MIMIE AZURA ABU BAKAR mimieazura1981@melakaharlini.my	EKSEKUTIF IZAIDA RAIHANAH IDRIS Izraihanah363@gmail.com	JURUVIDEO & PENYUNTING VIDEO AUFA IZZATI AHMAD ZAILANI aufalzzati98@melakaharlini.my
	JURUFOTO IQMAL HAQIM ROSMAN iqmalhaqimrosman@gmail.com	SITI SALEHAH AL-QADRAWI sitisalehah@melakaharli			SHARIFAH NORKHALIDAH SYED KHAIDZIR khalidah@melakaharlini.my	PENYUNTING VIDEO RABIAH OSMAN osmanrabiah@melakaharlini.my
					PUTRA DANIAL RIZAIDI putradaniel182@gmail.com	HASBULLAH BIN AZHAR burneskoabar@gmail.com

## N04 - LENDU

# Sulaiman meriahkan sambutan Chap Goh Meh

Liana Sahabudin

**LENDU** 17 Feb - Kehadiran Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali memeriahkan lagi sambutan ambang perayaan Chap Goh Meh yang diadakan di Dewan Kampung Baru Lendu, 12 Feb lalu.

Dalam majlis itu, Sulaiman turut sempat menyantuni dan bertanya khabar kepada masyarakat Tionghua yang meraikan sambutan berkenaan.

Sambutan perayaan itu turut diserikan dengan persembahan tarian singa, tarian naga dan persembahan seni tarian tradisional dari pada Briged Seni Melaka.

"Kita perlu bersyukur kerana masih berpeluang menyambut hari kebesaran pelbagai

kaum dalam suasana yang harmoni dalam satu Keluarga Malaysia," katanya pada Majlis Ziarah Kasih Sempena Festival Chap Goh Meh Tahun Baharu Cina 2022.

Hadir sama Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka (Pembangunan), Datuk Salhah Salleh; Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan Melaka Saari Basiron; Pengurus MCA Cawangan Masjid Tanah Hee Kuang How dan lain-lain kenamaan.

Pada majlis sama Sulaiman turut menyampaikan sumbangan kepada 100 warga emas bagi menceraiakan golongan itu.

FOKUS  
DUN



SULAIMAN bersama tetamu jemputan bergambar bersama penari tarian naga yang memeriahkan sambutan ambang Chap Goh Meh, 12 Feb lalu.

## N06 - REMBIA

## Gempar lebah bersarang di pokok bunga

Norizan Abdul Muhib

**REMBIA** - Seorang suri rumah berdepan detik cemas apabila menjumpai sarang lebah sebesar bola takraw tergantung di hadapan rumahnya di Taman Bukit Rembia, 12 Feb lalu.

M. Bama, 44, berkata, ketika kejadian, dia bersama anaknya berusia tiga tahun sedang membersihkan hadapan rumahnya kira-kira pulak 5.15 petang.

Menurutnya, dia terkejut apabila menjumpai sarang lebah tersebut yang tersorok pada salah sebuah pokok bunga tanamannya sebelum bertindak membawa anaknya keluar dari rumah.

"Pada ketika itu, saya hanya memikirkan keselamatan anak saya yang masih kecil, tidak dapat saya bayangkan jika saya tidak nampak sarang lebah tersebut, sudah pasti ia akan menyerang anak saya."

"Ini kerana sebelum itu, anak sudah terlebih dahulu menghampiri pokok bunga tersebut dan bermain-main di sekitarnya," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini.

Dalam keadaan cemas, menurut Mala, dia menghubungi talian kecemasan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) bagi mendapat bantuan.

"Kira-kira 30 minit selepas itu, bantuan APM tiba dan segera memindahkan sarang lebah tanpa berlaku sebarang kejadian tidak diingini," katanya.

Bama yang sudah menetap di situ sejak lebih 10 tahun lalu berkata, dia mengesyaki lebah tersebut datang dari rumah berdekatan yang sebelum itu menjadi tempat lebah bersarang.

"Saya rasa sudah seminggu lebah tersebut membuat sarang di rumah saya kerana minggu lepas jiran ada memotong pokok di hadapan rumahnya yang menjadi tempat lebah bersarang," katanya.



ANGGOTA APM berjaya memindahkan sarang lebah yang dijumpai di salah sebuah pokok bunga di hadapan sebuah rumah di Taman Bukit Rembia semalam. Foto APM Alor Gajah

## N05 - TABOH NANING



ZULKIFLEE (kanan) memerhatikan Ab Rauf menyantuni pelajar mengutip cili yang diusahakan.

## Contohi semangat pelajar tahfiz tanam cili

Salman Hamat

**TABOH NANING** - Usahapihak pentadbiran Sekolah Tahfiz Ali Imran, Solok Ulu Rantau, Rantau Panjang, di sini, menjalankan pelbagai inisiatif seperti tanaman cili wajar dipuji dan dicontohi.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Taboh Naning Zulkifle Mohd Zin berkata, usaha itu bukan sahaja menjadi antara aktiviti yang memberi faedah kepada pelajar-nya, bahkan membolehkan pihak

sekolah tahfiz itu menjana pendapatan sendiri.

Selain itu, katanya, hasil pembangunan terancang sekolah tahfiz itu kini memiliki pelbagai kemudahan seperti dewan yang boleh disewa untuk pengajuran kursus dan seminar.

"Gelanggang futsal juga ada di sini dan difahamkan pemuda tinggal berhampiran kerap menggunakan kemudahan berkenaan bagi aktiviti riadah."

"Usaha seperti ini perlu dicon-

tohi, pihak Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) juga setuju membantu pengurusan sekolah tahfiz ini mengikut kesesuaian," katanya.

Beliau berkata, demikian ketika melawat sekolah tahfiz bersama ADUN Tanjung Bidara Datuk Seri Ab Rauf Yusoh, merangkap EXCO Perindustrian, Pelaburan dan Pembangunan Usahawan negeri, ADUN Ayer Limau Datuk Haimeed Mytheen Kunju Basheer dan Pengarah JAIM Datuk Che Sukri Che Mat pada 12 Feb lalu.

## N07 - GADEK

# Tumpu usaha tangani banjir di Gadek



**SHANMUGAM** (kiri) bersama petugas JAPERUN Gadek dan penduduk kampung meninjau keadaan banjir yang melanda kediaman penduduk di situ dalam insiden banjir yang berlaku Disember tahun lalu.

Norizan Abdul Muhid

**GADEK** - Masalah banjir yang sering melanda Kampung Gadek Dalam dan sekitarnya pada setiap tahun sejak lebih 10 tahun lalu dijangka dapat diatasi melalui pelaksanaan projek tebatan banjir di daerah itu dalam masa terdekat.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gadek, V.P Shamugam berkata, pembinaan tebatan banjir di daerah itu antara perancangan jangka panjang dalam usaha mengatasi masalah banjir dalam DUN Gadek.

Menurutnya, pelaksanaan tebatan banjir dilihat sebagai langkah berkesan mengatasi masalah banjir kilat di Kampung Gadek dan Kampung Gadek Dalam yang sepanjang tahun lalu telah lebih tujuh kali ditimpa musibah tersebut.

"Sekarang ini, memang sudah ada peruntukan sebanyak RM30 juta dari kerajaan Pusat dalam usaha mengatasi masalah banjir ini, oleh itu, kita mohon agar dipercepatkan pelaksanaan projek tebatan banjir ini."

"Saya akan sedaya upaya fokus kepada isu banjir kilat ini memandangkan ia sudah terlalu lama menghantui penduduk,

bayangkan sepanjang tahun lalu sahaja, lebih tujuh kali rumah mereka dinaiiki air banjir," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini (MHI) baru-baru ini.

Pada masa yang sama, katanya, sebagai tindakan jangka pendek mengatasi masalah banjir kilat dalam DUN Gadek, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri merancang membina ban dan kolam takungan banjir di kawasan terlibat.

"Bagaimanapun, kita menghadapi masalah mengesan pemilik tanah memandangkan sesetengah tempat projek melibatkan tanah persendirian."

"Usaha ini perlu dilakukan bagi membolehkan air banjir dapat disalurkan ke sungai berhampiran dan tidak bertakung dekat dengan kediaman penduduk," ujarnya.

Selain itu, menurut Shamugam, pihaknya merancang mewujudkan kawasan rekreasi yang sesuai bagi kemudahan golongan belia DUN Gadek iaitu Relax Corner di hadapan Kolam Air Panas Gadek tidak lama lagi.

FOKUS  
DUN



## N09 - DURIAN TUNGGAL



**ZAHARI** melihat pondok bas yang telah usang di Kampung Gangsa.

## Baiki pondok bas usang demi keselamatan

Liana Sahabudin

**DURIAN TUNGGAL** - Prihatin akan keselamatan penduduk kampung, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Durian Tunggal Zahari Abd Kalil turun padang bagi meninjau pondok menunggu bas yang usang di Kampung Tualang, Gangsa.

Tindakan itu susulan aduan berhubung keadaan pondok bas berkenaan yang uzur dan perlu diperbaiki segera bagi mjamin keselamatan orang ramai.

"Sayadifahamkan pelajar sekolah dan

pekerja kilang antara yang kerap menggunakan kemudahan ini meskipun keadaannya sudah uzur.

"Perkara ini saya akan rujuk kepada Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) untuk tindakan selanjutnya, semoga diper mudahkan segala urusan demi kebaikan rakyat," katanya menerusi satu hantaran di Facebook rasminya baru-baru ini.

Zahari, turut meluangkan masa meninjau parit di jalan utama Kampung Tualang yang tersumbat dan mengakibatkan air melimpah ke jalan raya.

## N08 - MACHAP JAYA

## Murid ceria terima vaksin di sekolah

Farah Suhaidah Othman

**MACHAP JAYA** - Seramai 65 murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Khiak Yew Tebong menerima suntikan vaksin dos pertama dalam Program Imunisasi COVID-19 Kanak-kanak (PiCKids), 17 Feb lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machap Jaya, Ngwe Hee Sem berkata, sekolah berkenaan hanya mempunyai keseluruhan 75 orang murid yang mana hanya 10 daripadanya belum menerima suntikan.

"Pihak Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Alor Gajah mengambil inisiatif untuk datang ke sekolah berkenaan untuk memberikan vaks-

inasi kepada murid sekolah.

"Ketika kunjungan saya di sekolah berkenaan, dapat dilihat penerimaan dalam kalangan ibu terhadap pemberian vaksin itu sangat baik," katanya ketika dihubungi.

Dalam pada itu, ketika kunjungan itu Hee Sam sempat meninjau keadaan sekolah berkenaan bagi melihat keperluan yang boleh disalurkan di sekolah tersebut.

"Saya sempat meninjau perkembangan projek menambah blok bangunan di sekolah yang peruntukannya diperolehi daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi penambahan kelas murid," katanya.



**HEE SEM** (kiri) beramah mesra dengan murid SJKC Khiak Yew, Tebong dalam PiCKids di SJKC Khiak Yew Tebong.

# Gunung Melaka, permata hijau Asahan

**N10 - ASAHLAN**



FAIRUL (tengah) ketika bersama-sama 'malim' Gunung Melaka di Majlis Penutup Kursus Asas Dua hari Malim Gunung Melaka, baru-baru ini.

**Norizan Abdul Muhid**

**ASAHLAN** - Gunung Melaka yang dahulunya dikenali Bukit Gapis akan dibangunkan sebagai eko pelancongan terbaru di Melaka, sekali gus meningkatkan tarikan ke Asahan pada masa akan datang.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Asahan, Fairul Nizam Roslan berkata, usaha-usaha itu sedang digerakkan melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Menurutnya, tindakan menaik taraf sekitar kawasan itu termasuk menyediakan papan tanda arah serta kemudahan infrastruktur lain yang bersesuaian dengan keperluan pengunjung.

"Kita minta MOTAC juga dapat bantu meningkatkan promosi di seluruh negara mengenai Gunung Melaka sebagai destinasi baharu Eko Pelancongan."

"Selain dapat meningkatkan keupayaan Gunung Melaka yang juga sebagai gunung tertinggi di negeri ini, usaha tersebut juga dapat membantu penduduk setempat menambah pendapatan sampingan," katanya.

Gunung Melaka yang mencapai ketinggian hampir 512 meter, muncul satu-satunya gunung di Melaka selain Bukit Batu Lebah dan Bukit Beruang.

Selain itu kata Fairul, ketika ini proses pengambilan tanah di sekitar Gunung Melaka sedang dilajukan dan apabila selesai, usaha-usaha menaik taraf kawasan itu akan bermula tidak lama lagi.

**FOKUS DUN**

**N13 - PAYA RUMPUT**

## Paya Rumput perintis video digital bantu calon SPM

**Fiqah Jamal**

**PAYA RUMPUT** - Program Mahir Tutor khusus untuk calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) akan diperluaskan di seluruh Melaka sekiranya berjaya di peringkat perintis.

EXCO Pendidikan negeri Datuk Rais Yasin berkata, program digital itu diwujudkan untuk membantu pelajar memahami dan mengulang kaji subjek-subjek tertentu pada bila-bila masa secara dalam talian.

Menurutnya, calon SPM boleh mengakses program tersebut menggunakan 'ID' akaun khas yang telah diberikan kepada pengetua.

Katanya, untuk projek sulung hampir 500 pelajar dari dua buah sekolah perintis terlibat iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tun Haji Abdul Malek dan SMK Paya Rumput.

"Melalui program ini, terdapat 16 subjek yang telah direkod keseluruhan pembela-jarannya secara 'video on demand' jadi pelajar-pelajar boleh akses bila-bila masa," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas perasmian Program Digital Mahir Tutor di SMK Tun Haji Abdul Malek, di sini 12 Feb lalu.

Mengulas lanjut, Rais yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Rumput turut berharap inisiatif seumpama itu dapat dilaksanakan di semua DUN bagi membantu para pelajar, apakah lagi dalam kesukaran mengadakan kelas tuisyen fizikal.

"Saya harap para pelajar untuk terus mengambil peluang yang ada ini untuk ulang kaji menggunakan platform yang disediakan," katanya.



RAIS (lima kiri) ketika bergambar bersama guru-guru yang terlibat dalam Perasmian Program Digital Mahir Tutor di SMK Tun Haji Abdul Malek, baru-baru ini.

**N12 - PANTAI KUNDOR**



MOHD Zamri menerima hadiah kemenangan RM20,000 selepas muncul juara Pantai Puteri Surfcasting Challenge 2022, baru-baru ini.

## Tuah pancing pari, dapat RM20,000

**PANTAI KUNDOR** - Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia tiada siapa tahu...Mungkin itu pepatah tepat menggambarkan rezeki diraih seorang pemancing, Mohd Zamri Saiman, 41, 13 Feb lalu.

Ia selepas pemancing dari Klang itu dinobat johan Pantai Puteri Surfcasting Challenge 2022, sekali gus membawa pulang hadiah kemenangan RM20,000.

Dia yang mesra dipanggil Abang J seakan tidak percaya, getuan kecil pada hujung jorannya kira-kiranya jam 10 pagi rupanya dimakan ikan pari seberat 2.16 kilogram (kg) yang muncul ikan terberat pertandingan itu.

"Memang berdebar-debar masa menarik ikan itu, kerana kebiasaannya kita dapat rasakan ikan yang menarik joran itu besar atau kecil dan saya tahu umpan udang hidup itu dimakan ikan yang boleh memungkinkan saya muncul pemenang."

"Jadi, saya melayan dengan berhati-hati tarikan ikan itu dan mengambil masa sekitar 10 minit untuk naikkaninya ke darat."

"Alhamdulillah ikan berjaya dinaikkan dengan selamat dan saya bersyukur apabila tamat pertandingan ikan pari itu menjadi ikan terberat dalam pertandingan," katanya yang akan menggunakan wang hadiah kemenangan untuk keluarga.

Sementara itu tempat kedua dan ketiga diraih pemancing yang mendaratkan ikan kerupu 0.97kg dan ikan daun baru 0.58kg.

Masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai RM7,000 serta RM3,000.

Terdahulu, pertandingan anjuran Wak Jali Event Management yang disertai lebih 700 kaki pancing itu dirasmikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor, Tuminah Kadi.

N14 - KLEBANG

# Saran pengusaha bot rebut geran kerajaan



Fiqa Jamal

BAN HONG (empat dari kanan) bersama Sulaiman (tengah) pada Majlis Perasmian Kilang Explorer Komposit di Pulau Gadong, baru-baru ini.

**KLEBANG** - Kementerian Perdagangan Antara-bangsa dan Industri (MITI) menyarankan semua pemain industri pembuatan bot merebut peluang disediakan kerajaan untuk diperluaskan ke peringkat lebih tinggi.

Timbalan Menterinya Senator Datuk Lim Ban Hong berkata, bidang itu dilihat berpotensi dikembangkan dalam sektor Maritim dan pengurusan bencana.

Justeru katanya, kerajaan menerusi MITI turut menyediakan pelbagai geran untuk pembangunan industri tersebut berkembang ke peringkat lebih tinggi.

"Antara geran yang disediakan seperti geran pembangunan pemasaran (MDG) yang boleh menggalakkan pembangunan industri pembuatan kapal atau bot ini."

"Geran ini turut akan membuka peluang kepada pengusaha untuk melibatkan diri dalam pameran di peringkat antarabangsa sekaligus memudahkan pasaran bot tempatan di pasaran luar," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas menghadiri Majlis Perasmian Kilang Explorer Komposit di Pulau Gadong, di sini, 13 Feb lalu, yang di sempurnakan oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Mengulas lanjut, Ban Hong yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klebang berkata pengangkutan itu dilihat semakin mendapat permintaan sama ada dalam sektor perikanan, pengurusan bencana maupun pembuatan.

"Jadi sebagai pengusaha atau pemain industri pembuatan bot dan kapal yang sedia ada, saya fikir banyak potensi bukan sahaja terhad kepada pengurusan bencana malahan pengangkutan logistik bagi bidang perikanan dan pelbagai bidang lain yang memerlukan bot pengangkutan seperti ini," katanya.

N15 - PENGKALAN BATU

## Dapat basikal kalau solat Subuh berjemaah

Faiz Hasan

**PENGKALAN BATU** - Sebanyak 20 basikal disediakan Masjid Nur As-Saadah, di sini, sebagai tawaran hadiah kepada anak-anak yang menuai solat Subuh berjemaah selama 40 hari.

Pengerusi Masjid Nur As-Saadah Datuk Amzah Osman berkata, Program Subuh Istiqamah 40 Hari itu merupakan cetusan ideanya bersama ahli jawatankuasa lain sebaik dilantik menerajui masjid berkenaan pada 1 Feb lalu.

Menurutnya, seramai 100 kanak-kanak telah menyertai program berkenaan sejak ia mula dilancarkan 9 Feb lalu.

"Setiap anak-anak yang hadir solat Subuh berjemaah akan menerima cop khas untuk pengesahan pada setiap hari dan mereka perlu mengumpul 40 cop sehingga 20 Mac untuk layak menjadi pemenang."

"Niat kita hanya satu, iaitu kita mahu mengimarahkan masjid dan pada masa sama memupuk penduduk untuk hadir menuai solat Subuh berjemaah sedari usia muda," katanya kepada pemberita.

Mengulas lanjut, beliau berkata, bagi menyediakan hadiah tersebut, sebanyak RM20,000 diperuntukkan bagi membeli hadiah tersebut.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan hadiah tersebut bukanlah menggunakan wang tabung masjid, sebaliknya ia disumbangkan secara peribadi oleh ahli keluarga dan kenalan.



ANTARA kanak-kanak yang menyahut cabaran Program Subuh Istiqamah 40 Hari anjuran Masjid Nur As-Saadah Pengkalan Batu.

N18 - AYER MOLEK

## Guna khidmat ambulans, JAPERUN bayar



PERKHIDMATAN ambulans percuma yang disediakan di DUN Ayer Molek bagi membantu masyarakat.

Siti Salehah

**AYER MOLEK** - JAPERUN Ayer Molek bekerjasama dengan Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) bagi menyediakan perkhidmatan ambulans percuma untuk penduduk di kawasan itu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Molek Datuk Rahmad Mariman berkata, inisiatif itu dilakukan bagi memudahkan urusan penduduk terutama apabila berlaku kes kecemasan.

"Dengan adanya perkhidmatan ini penduduk boleh menggunakan ambulans ke hospital tanpa memikirkan soal bayaran, kerana seperti kita tahu sewa ambulans agak mahal."

"Bayaran akan dibuat secara bulanan oleh pihak JAPERUN kepada PBSM dan penduduk boleh

menggunakan secara percuma," katanya.

Dalam pada itu, Rahmad memaklumkan pihaknya turut menyumbangkan 15 bidai kepada masjid dan surau di kawasan itu bagi membantu pengurusan jenazah.

Beliau berkata, sumbangan bidai bernilai RM1,500 setiap satunya disampaikan selepas mengambil kira sesetengah keluarga berdepan kesukaran ketika memandikan jenazah.

Katanya, dengan inisiatif itu proses memandikan jenazah di rumah tidak memiliki ruang atau bilik khas boleh dilakukan dengan lancar dan mudah.

"Bidai ini diletakkan di surau dan masjid, penduduk mahu guna kemudahan itu boleh ambil dan pulangkan semula selepas urusan menguruskan jenazah selesai," katanya.



## N23 - TELOK MAS



PENYERAHAN mesin rumput sumbangan ADUN Telok Mas buat masyarakat Kampung Bukit Meta.

# Guna mesin rumput percuma sahaja!

**TELOK MAS** - Rakyat di kawasan Bukit Meta dan Padang Temu tidak perlu bimbang untuk mengupah pemotong rumput sebaliknya boleh menggunakan sendiri mesin rumput secara percuma.

Dua mesin rumput itu disumbangkan secara peribadi oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Datuk Abdul Razak Abdul Rahman yang disampaikan oleh Setiausaha JAPERUN Telok Mas, Faris Mohd Said.

Menerusi hantaran di laman Facebook, Abdul Razak berkata sumbangan itu diharapkan dapat dimanfaatkan oleh penduduk di kawasan tersebut bagi membersihkan kawasan masing-masing.

"Semoga dengan sumbangan kecil ini dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh penduduk Bukit Meta," katanya.

Sementara itu Faris berkata, beliau mewakili Abdul Razak menyerahkan dua mesin rumput itu di pejabat UMNO cawangan Bukit Meta dan Padang Temu bagi kegunaan penduduk setempat.

"Rakyat di dua kawasan itu yang hendak membersihkan kediaman masing-masing mahupun balai raya, masjid atau kawasan semak-semun boleh berurusan dengan dua pejabat itu untuk menggunakan mesin rumput tersebut tanpa dikenakan bayaran," katanya.

**FOKUS DUN**



## N25 - RIM

## Naik taraf kemudahan sukan di Rim

Liana Sahabudin

**RIM** - Kemudahan sukan seperti gelanggang futsal dan sepak takraw dalam keadaan tidak sempurna sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Rim, akan dibaik pulih untuk memberikan keselesaan kepada orang ramai melakukan aktiviti riadah.

Ahli Dewan Undangan

Negeri (ADUN) Rim, Datuk Khaidhirah Abu Zahar berkata, usaha itu diharapkan dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan orang ramai mengenai kepentingan mengamalkan gaya hidup sihat.

"Insya-Allah sedikit masa lagi saya bantu membaik pulih kemudahan untuk golongan belia di DUN Rim," katanya menerusi satu hantaran di Face-

book rasminya, baru-baru ini.

Terdahulu Khaidhirah, menerima kunjungan hormat dari delegasi Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Melaka di Japerun Rim.

Khaidhirah berkata, peranan DPMM amat dihargai terutama dalam usaha melahirkan usahawan Bumiputera yang dinamik, berwibawa dan bertaraf antarabangsa.



KHAIDHIRAH (tiga kanan) melihat gelanggang futsal serta sepak takraw di DUN Rim.

## N21 - DUYONG



MOHD Noor Helmy (kanan) bergambar bersama graduan cilik dalam Majlis Apresiasi Tabika Kemas DUN Duyong 2021/2022.

## Sambut 'konvo' bersama graduan cilik

Siti Salehah

**DUYONG** - Kesibukan harian menyelesaikan masalah rakyat tidak menghalang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Duyong Mohd Noor Helmy Abd Haleem meluangkan masa hadir ke Majlis Apresiasi Tabika Kemas DUN Duyong 2021/2022.

Kehadiran beliau yang mesra dengan panggilan Mat ke majlis itu untuk menyampaikan skrol dan sijil, di samping memberi semangat serta menceriakan anak-anak tabika.

Majlis yang berlangsung dalam norma baharu dan mengikut prosedur operasi standard (SOP) itu tidak menghalang anak-anak tabika mengadakan persembahan.

“Majlis yang berlangsung dalam norma baharu dan mengikut prosedur operasi standard (SOP) itu tidak menghalang anak-anak tabika mengadakan persembahan.”

"Jemputan diterimad dan berperluan memakai jubah konvo kesyen begitu bermakna buat saya. Mat ini dulu sekolah tidak pandai, dapat pakai jubah konvo pagi ini bukan main seronok pula rasanya."

"Tahniah juga diucapkan kepada guru-guru Tabika Kemas Dewan Undangan Negeri (DUN) Duyong atas kejayaan program dianjurkan," katanya.

Beliau turut memaklumkan Kejas Tuisyen Rakyat Percuma Japerun Duyong masih diteruskan buat calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021 membabitkan subjek Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik, Sains, Fizik, Kimia dan Prinsip Akaun.

"Kita selesaikan untuk yang SPM 2021 selepas itu kita buat perseiduan untuk mereka yang SPM 2022," katanya.

## N27 - MERLIMAU



DR Akmal belajar cara menggoreng rempeyek di Kampung Sempang.

## N26 - SERKAM

## Tebang pokok condong ancam nyawa ibu tunggal

Fiqah Jamal

**SERKAM** - Pasukan Sukarelawan (RELA) Dewan Undangan Negeri (DUN) Serkam terus aktif menjalankan kerja-kerja kemasyarakatan dalam membantu penduduk tanpa mengira kaum, agama dan bangsa.

Baru-baru ini, skuad itu telah membantu menyelesaikan masalah seorang ibu tunggal yang hidup dalam kebimbangan apabila pokok di halaman rumahnya di Kampung Serkam Darat semakin condong.

Pihak RELA DUN Serkam telah mengambil inisiatif menebang pokok berkenaan bagi mengelakkan sebarang insiden tidak diingini berlaku.

"Terima kasih kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serkam Datuk Zaidi Attan dan

kepimpinan JAPERUN Serkam kerana telah menyediakan peralatan untuk membantu menyelesaikan masalah orang kampung.

"Alhamdulillah kami berjaya membantu menyelesaikan masalah ibu tunggal dengan menebang pokok yang condong ke rumahnya."

"Terima kasih juga kepada JPKK Kampung Serkam Darat kerana turut memberikan kerjasama yang baik," kata kenyataan RELA DUN Serkam.

Selain membantu masalah penduduk, skuad berkenaan turut membantu menjalankan kerja-kerja sanitasi di masjid dan surau di sekitar Serkam.

Kerja-kerja itu dijalankan bagi mengelakkan berlakunya penularan jangkitan COVID-19 di kawasan berkenaan.



PETUGAS RELA DUN Serkam membantu menebang pokok condong di Kampung Serkam Darat, baru-baru ini.

## Rempeyek Kampung Sempang ikon Merlimau

Liana Sahabudin

**MERLIMAU** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merlimau Dr Muhamad Akmal Saleh, tidak kekok turun padang untuk menyantuni penduduk daripada pelbagai latar belakang di Dewan Undangan Negeri (DUN) itu.

Terbaru Dr Muhamad Akmal menyantuni pengusaha rempeyek di Kampung Sempang Pantai, malah beliau turut mencuba cara menggoreng makanan tradisi itu yang popular di negeri ini.

"Belajar goreng rempeyek pagi ini dengan otai-otai Kampung Sempang di DZ Food Enterprise, rempeyek ini sejrahnya cukup lama sebelum saya lahir lagi sudah ada dan ini adalah resepi turun temurun."

"Rangup makan sekilo (satu kilogram) pun 'confirm' (pasti) tak cukup lagi..."

"kalau nak datang makan rempeyek panas-panas boleh datang ke Kampung Sempang Merlimau."

"Semuanya ada di Merlimau," katanya menerusi satu hantaran di Facebook rasminya baru-baru ini.

FOKUS DUN



## N28 - SUNGAI RAMBAI



SITI Faizah (kiri) mewakili penduduk Kampung Parit Penghulu menerima sumbangan banjir daripada HALUAN.

## HALUAN cakna hulur bantuan pasca banjir

Farah Suhaidah Othman

**SUNGAI RAMBAI** - Meskipun musibah banjir sudah lebih sebulan berlalu, namun pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Pertubuhan Lepasan Institusi Pendidikan Malaysia (HALUAN) Negeri Sembilan tampil menyantuni mangsa terjejas di Kampung Parit Penghulu, di sini.

Seramai 20 keluarga mangsa banjir di kampung berkenaan menerima bantuan kit bantuan dan peralatan dapur daripada HALUAN Negeri Sembilan yang disampaikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Rambai, Siti Faizah Abdul Azis.

Yang Dipertua HALUAN negeri Sembilan, Sazali Abdul Rahman berkata meskipun berlaluan negeri, namun atas dasar prihatin untuk membantu mangsa dalam kesusahan,

pihaknya bersama NGO Serantau Muslim tampil menyalurkan bantuan.

"Musibah yang melanda bukan sahaja ujian kepada mangsa terjejas, tetapi ujian kepada masyarakat lain untuk membentuk kebersamaan sahabat yang dalam kesusahan."

"Ini adalah satu program susulan dijalankan sukarelawan HALUAN untuk terus bersama masyarakat di waktu susah dan senang tidak kira di mana jua keberadaan mereka," kata dia.

Selain menyalurkan bantuan, sukarelawan HALUAN bersama kira-kira 50 penduduk kampung turut menghabiskan masa menghadiri program pengimaran di Masjid Ar-Ridhuan dan ceramah motivasi mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.



# MIMBAR MAIM

“Be na r-be na r sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengajakan sembahyang.” (Surah Al-A’la, ayat 14-15)

“Demise sungguhnya! Kami akan mengujamu dengan seikit ketakutan, keparahan, dan kekangan dari hartabenda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berlah kahargembira kepada orang yang sabar.” (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

## Sumbang kit makanan kepada pelajar

Erwin Abu Hasan  
erwin@maim.gov.my

**TANJUNG BIDARA** - Keprihatinan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dalam aspek kesihatan pelajar khususnya mereka yang sedang diquarantine sentiasa diberi perhatian sewajarnya.

Bukan sahaja kepada asnaf dan

mereka yang terkesan dengan pandemik Covid-19 ini namun pelajar mahupun mahasiswa yang terkesan turut di beri perhatian yang sebaiknya bagi memastikan keperluan harian mereka dijaga.

Timbalan Pengurus MAIM, Datuk Wira Md Rawi Mahmud bersama Skuad Agihan Zakat MAIM (SAZ) meluangkan masa



MD Rawi menyampaikan kit makanan kepada wakil pengurusan kolej berkenaan.



ANTARA kit makanan yang disediakan MAIM.

menyantuni sebahagian pelajar di Kolej Matrikulasi Londang di Masjid Tanah yang sedang diquarantine di kolej kediaman mereka.

Seramai lebih 300 orang pelajar yang mendiami kolej berkenaan menjalani perintah kuarantine bagi memastikan penularan wabak COVID-19 di kolej itu mampu dikawal sepenuhnya.

Sumbangan berkenaan merupakan kit makanan yang disediakan oleh MAIM melalui Bilik Gerakan Covid-19 Agensi Agama Islam Melaka bagi membantu mereka yang terkesan.

Pemantauan kesihatan pelajar berkenaan turut dipantau dan pihak MAIM akan memastikan keperluan semasa mereka khususnya melibatkan keperluan kit kesihatan serta perubatan.

MAIM juga akan memastikan sumbangan kit makanan akan disalurkan kepada setiap DUN bagi memudahkan pengagihan dapat dilaksanakan kepada masyarakat sekitar kawasan berkenaan yang terjejas.

**LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN**

**Melaka Tengah** | 06-283 7416 / 06-284 9809  
06-288 1881 / 06-288 1882

**Jasin** | 06-529 8415  
06-529 8417

**Alor Gajah** | 06-384 2699

**Merlimau** | 06-263 9505

**Website** | [www.maim.gov.my](http://www.maim.gov.my)

**Email** | [admin@maim.gov.my](mailto:admin@maim.gov.my)

**Youtube** | [majlis agama islam melaka](#)

**Facebook** | [facebook/maimmelaka](#)

**Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni**

*“Pengagihan zakat yang telus amanah kami”*

Erwin Abu Hasan  
erwin@aim.gov.my



KETUA MENTERI, DATUK SERI UTAMA SULAIMAN MD ALI MENERIMA MOQE CEK SUMBANGAN PERUNTUKAN KEPADA PEGAWAI SYARAK DAN GURU TAKHIM DI NEGERI INI YANG TELAH DISEMPURNAKAN OLEH MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI HAL EHWAL AGAMA, SENATOR DATUK IDRIS AHMAD.



**BERTANYA KHABAR...** Keprihatinan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) menyantuni dan menyampaikan sumbangan kit makanan kepada sebahagian pegawai serta kakitangan MAIM yang sedang dikuarantin berikutan dijangkiti virus COVID-19 di kediaman mereka. Turut disampaikan kit perubatan dan kesihatan bagi memastikan tahap kesihatan mereka berada dalam keadaan baik dan memuaskan.



PERBINCANGAN dan janji temu dilaksanakan oleh Zakat Melaka (ZM) bersama beberapa buah syarikat bagi memberi pemahaman berkaitan kepentingan zakat perniagaan dan seterusnya mampu memberi manfaat kepada asnaf di negeri ini.



# Kebebasan mencari harta



Datuk Hj. Ibrahim  
Bin Fadil

Ke tua Pegawai  
Exe ketif Zakat Melaka,  
Majlis Agama  
Islam Melaka.

**HARTA** adalah suatu instrumen yang merupakan alat bagi manusia menggunakan bertujuan untuk mendapat manfaat dalam kehidupan sebagai tuntutan syariat Islam yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Secara amnya, harta atau "al-maal" dalam bahasa Arab merujuk kepada sesuatu benda atau

instrumen yang dimiliki oleh seseorang individu atau kumpulan manusia seperti barang-barang berharga, barang perniagaan, aset tetap, pertukaran wang dan sebagainya.

Mengikut panduan Islam, dunia adalah tempat persinggahan sementara dan sebagai jambatan untuk ke akhirat. Dunia juga sebagai tempat untuk bercucuk tanam dan akhiratlah tempat untuk menuanya. Allah SWT telah berfirman di dalam Surah Al-Taghabun ayat 15, yang bermaksud: "Sesungguhnya harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan di sisi Allah SWT jualah pahala yang besar". Dunia ini adalah sebagai tempat ujian daripada Allah SWT. Manusia dituntut supaya mengikuti segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Islam amat

" Berdepan dengan situasi pada makna untuk kita meminta-minta bantuan dan sumbangan tanpa membawa pengaruh negara kita sendiri. Masyarakat Islam di Malaysia juga sepakutnya bersyukur kerana negara kita berada dalam keadaan aman dan damai tidak seperti beberapa negara luar yang terlibat dalam perang. "

menitikberatkan perhubungan sosial dan masyarakat serta ekonomi yang baik melalui pelbagai kaedah dan pendekatan kemaslahatan umat.

Harta, wang ringgit, kekayaan dan pendapatan merupakan rezeki yang Allah SWT kurniakan kepada seluruh hamba-Nya. Harta adalah pemilikan mutlak oleh Allah SWT. Manakala pemilikan sementara bagi manusia untuk menguruskannya. Tidak ada sesuatu pun yang menjadi hak milik manusia, segalanya adalah pinjaman daripada Allah SWT.

Musim penularan pandemik kini sememangnya merupakan dugaan sangat hebat yang perlu dihadapi oleh seluruh manusia. Diakui ramai yang terkesan dan memberi impak yang sangat membimbangkan sama ada dari aspek ekonomi, kesihatan dan tidak kurang juga yang kehilangan nyawa. Namun begitu, kita seharusnya tidak leka serta berdiam diri tanpa berusaha untuk mencari sumber rezeki yang halal. Berdepan dengan situasi pandemik bukan alasan untuk kita meminta-minta bantuan dan sumbangan tanpa melakukan sebarang usaha dari pihak diri kita sendiri. Masyarakat Islam di Malaysia juga sepakutnya bersyukur kerana negara kita berada dalam keadaan aman dan damai tidak seperti beberapa negara luar yang terlibat dalam peperangan.

Islam menuntut umatnya untuk bersungguh-sungguh dalam mencari rezeki dan harta. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam Surah Al-Jumu'ah ayat 10, yang bermaksud: "Kemudian setelah selesai solat, maka bertebaranlah kamu di muka bumi

(untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah SWT, serta ingatlah akan Allah SWT banyak-banyak (dalam segala keadaan) supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat)". Penegasan pada firman Allah SWT ini amat jelas menerangkan kepada manusia untuk bekerja mencari rezeki yang halal demi kelangsungan hidup. Setelah kita bekerja dan memperolehi lebihan harta perlulah kita kongsikan kepada mereka yang memerlukan sama ada ibadah zakat, sedekah, wakaf, hibah dan sebagainya.

Justeru itu, kita sebagai insan yang beriman dan bertakwa seharusnya bertindak dengan lebih bersungguh-sungguh dalam mencari rezeki dan sumber pendapatan harian. Bagi mereka yang kehilangan sumber pendapatan, boleh menjalankan pelbagai jenis perniagaan kecil-kecilan untuk meneruskan kehidupan. Dalam usaha untuk memperkenalkan sesuatu perniagaan adalah mela-kukan strategi pemasaran dengan menggunakan pelbagai platform hebahan seperti media sosial, media cetak, radio, televisyen dan sebagainya. Semoga usaha dan kesungguhan dalam bebas mencari harta dan rezeki yang dikurniakan oleh Allah SWT, akan mendapat rahmat dan keberkatan di dunia maupun di akhirat. In Sha Allah.

Sebarang pertanyaan dan pembayaran zakat bolehlah layari www.izakat.com atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :  
Ibu Pejabat, Tel: 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel: 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel: 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel: 06-5294635
- Cawangan Melimau, Tel: 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel: 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel: 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp  
: Info Pertanyaan Zakat - (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat  
- (011-58583900) Laman Web : www.izakat.com



Hanya 2.5%

"Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi"

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: [www.izakat.com](http://www.izakat.com)



## Planetarium Al-Khawarizmi dan Galeri Interaktif.



PLANETARIUM Al-Khawarizmi terletak di Kampung Balik Batu Tanjung Bidara, Melaka. Planetarium ini merupakan antara komponen Fasa 2 pembangunan Kompleks Falak Al-Khawarizmi di negeri Melaka. Planetarium ini telah dibina pada tahun 2005 dan masih lagi beroperasi sehingga hari ini. Planetarium ini dilengkapi dengan aktiviti tayangan planetarium dan tayangan 3D untuk para pengunjung. Pada tahun 2020 sebuah galeri interaktif telah dibangunkan di sini, galeri yang berwajah baharu ini memberi pelbagai informasi mengenai astronomi dan falak. Para pengunjung juga dapat melihat peralatan tradisional falak seperti astrolab, rubu' mujayyab, jam suria dan lain-lain lagi.



**PREMIS KOSONG UNTUK DISEWA**

No. JC 1854-1, Jalan Bestari 5,  
Bandar Jasin Bestari Seksyen 2,  
77200, Jasin, Melaka

1,540 kaki persegi

RM 1,000 / sebulan

**Hubungi**

Unit Pelaburan & Sewaan, MAIM  
06 - 283 7416 samb. 115 / 127

Talian Zakat:  
**1-300-88-0233**   [zakat.melaka](http://zakat.melaka) [www.izakat.com](http://www.izakat.com)

[@maimmelaka](#)

[www.maim.gov.my](http://www.maim.gov.my)

**SAHAM WAKAF PEMBINAAN MASJID PULAU BESAR MELAKA**

**4 KAEDAH BERWAKAF**

#SatuAmalMenciptaSejutaManfaat

**KAEDAH 01**

MELALUI KAUNTER  
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAIM)

**KAEDAH 02**

MELALUI PERBANKAN INTERNET KE AKUAN  
"SAHAM WAKAF PEMBINAAN MASJID PULAU BESAR MELAKA"  
04015010078877 (BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD)

**KAEDAH 03**

MELALUI POTONGAN GAJI,  
MUAT TURUN BORANG POTONGAN GAJI DI  
PORTAL IWAKAF MAIM  
(<https://iwakaf.maim.gov.my>)

**KAEDAH 04**

MELALUI DUITNOW

**Jom Berwakaf**

**BANK ISLAM** **04015010078877 (BIMB)**  
(Saham Wakaf Pembinaan Masjid Pulau Besar Melaka)

# Senarai Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Melaka



**Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB)**

1. Datuk Zainal Abu (Datuk Bandar MBMB)
2. Datuk Shamsul Ambia Abdul Aziz (Ex-Officio)
3. ACP Christoper Patit (Ex-Officio)
4. Datuk Ir Ismail Abd Rahman (Ex-Officio)
5. Rosemanizam Mohd Nalif (Ex-Officio)
6. Mohd Jamil Ab Wahab
7. Zamani Md Isa
8. Mawa Baba
9. Abd Razak Abu
10. Norhayati Janudin
11. Juhari Ahmad Salleh
12. Johari Mamat
13. Hamidah Hussin
14. Zaidi Mohd Said
15. Masnah@Masnah Atan
16. Mohammad Abd Rahman
17. Tamby Suleiman Tamby Abu Bakar
18. Syed Aziz Syed Mohd
19. Mohd Fauzi Abu Bakar
20. Ts Kon Qi Yao
21. Lok Huey Yee
22. Yap Hun Leong
23. Lim Cheng Hong
24. B. Linesh Khandhar @ Harshad Kumar



**Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG)**

1. Mohd Fadhi Hassan (Yang Dipertua)
2. Saltul Hazwa Ripli (Ex-Officio)
3. Supt. Arshad Abu (Ex-Officio)
4. Ir. Mohd Haidir Haron (Ex-Officio)
5. Mohd Najmi Mohd Zohdi (Ex-Officio)
6. Mohammad Musa
7. Abu Othman
8. Datuk Mutallif Che Mat
9. Babron Ihsan Adam
10. Azaman @ Azman Abu Hassan
11. Yaaman Yusoff
12. Lt. Kol Abdul Basir Amit (Bersara)
13. Norsafri Che Mat
14. Badrul Zamri Abdul Gani
15. Ahmad Yusoff Abd Latif
16. Mohd Yusof Sulaiman
17. Azman Omar
18. Abdul Razak Jalal
19. Noorhayati Mohd Amin
20. Mohd Raihan Ithnin
21. Lew Chee Choong
22. Chong Kok Wah
23. Koh Qi Min
24. R. Sugumar
25. T. Gandi



**Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ)**

1. Datuk Shadan Othman (Yang Dipertua)
2. Datuk Anis Ali Hasan (Ex-Officio)
3. TPr. Norjafni Zainuddin (Ex-Officio)
4. Ir. Shaharuddin Bahari @ Bahri (Ex-Officio)
5. Supt. Datin Aniesa Hanum Ahmad (Ex-Officio)
6. Norsafikah Salehan (Ex-Officio)
7. Wan Mohammed Fairuz Wan Abdullah
8. Zolkifli Raoff
9. Jamilah Bedol
10. Rosli Md Nor
11. Noorezan Md Yusof
12. Fatin Nabila Mohamad
13. Rohayah Ab Kadir
14. Azmi Rizal Datuk Hamzah
15. Ismail Dogol
16. Sani Ali
17. Ahmad Shukri Abdul Shukor
18. Datuk Shahrul Azuwar Abdul Aziz
19. Chong Koon Chai
20. Tan Chee Seng
21. Then Yeong Kong
22. Lai Tian Pin
23. Loh Soon Sern
24. M. Boovenswaran
25. M. Thiruselvan



**Majlis Perbandaran Jasin (MPJ)**

1. Datin Sapiah Haron (Yang Dipertua)
2. Rahizi Ranom (Ex-Officio)
3. Mispani Hamdan (Ex-Officio)
4. Ir. Kalam Mohd Nor (Ex-Officio)
5. Fazean Irdawaty Fadzil (Ex-Officio)
6. Azizee Supari
7. Sarimah Katimin
8. Ash'ari Komeng
9. Asmah Sulaiman
10. Mohd Hisam A Rahim
11. Azizol Pet
12. Zulkifli Kalil
13. Hasim Jantan
14. Mohd Yusof Das
15. Rasol Ahmad
16. Zaiton Mamat
17. Jamri Jamin
18. Kamarudin Mad Aris
19. Abdul Talib Hasan
20. Tee Tian Leng
21. Tan Kian Guan
22. Tee Seng Sein
23. Ee Chiow Peng
24. Datuk R Supramaniam
25. C. Thiahgarajan



WWW.KIBGIM.COM

SCAN HERE

# SMART A+

**SOALAN LATIHAN & TEKNIK  
MENJAWAB SPM  
SUBJEK: ENGLISH**

**JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &  
MENGINSPIRASI  
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270**

**PART 3: READING- LONGER TEXT (CONTINUE.)**

You are going to read an extract from an article. For question 19 to 26, choose the correct answer (A, B, C or D) and mark the correct letter A, B, C or D.

**IN SEARCH OF BIGFOOT**

In the Himalayas there's an old Sherpa saying that, "There is a Yeti in the back of everyone's mind; only the blessed are not haunted by it." Many cultures have legends about solitary man-beasts, and recorded sightings in North America and Asia date back to the early 1800s. Despite numerous sightings, photos and footprints of often questionable origin, there has never been conclusive proof that these creatures exist. No droppings, no bones, no hair and no bodies found - alive or dead.

And this week, geneticists at the University of Alberta are putting the legend to the test as they scrutinize hair alleged to have come from Bigfoot. The results are due on Thursday. The hair was collected by residents in Teslin, Yukon, who claim to have found it in a massive footprint left behind by a 3m-tall human-like creature which walked through their gardens earlier this month.

Wildlife geneticist Dave Coltman expects that the hair will have come from a known mammal such as a bear or bison, but says he is curious enough to test this theory. "If Bigfoot is indeed a primate, then we would expect the sample to be closer to humans or chimpanzees or gorillas. That would be kind of cool, wouldn't it?"

**Man-Beast Or Myth**

Regardless of his findings, the myth of Bigfoot does not need hard facts to persist. The creatures are real enough to those who say they have spotted them, but opinion is divided on the nature of the beast. Some say it is flesh-and-blood; others, including various Native American tribes, believe it to be a spirit being which appears to humans in times of crisis. Ralph Gray Wolf, an Athapaskan Indian from Alaska, has told reporters that Sasquatch makes appearances to help troubled communities "get more in tune with Mother Earth", bringing a message that there is a need to change.

Nor are such creatures confined to the vast, isolated tracts of land in North America and Asia - in the UK, such legends date back centuries. Two years ago, investigators and the media descended on Bolam Lake, near Newcastle, following a spate of sightings of a tall, shadowy figure over the previous 18 months. In their week in the wooded, lakeside park, six of the party spotted the so-called Beast of Bolam. Richard Freeman, of the Centre for Fortean Zoology centre, says one of his colleagues was among the witnesses.

"What they saw was not Bigfoot, or Sasquatch as I prefer to call him; it was an enormous shadowy figure in the trees, more like a ghost than flesh-and-blood. In a park not far from a city centre, you're not going to get a nine-foot ape-like creature - England doesn't have the habitat to support it." His theory is that sightings such as this - and Scotland's Big Grey Man of Ben MacDhui and

the Grey King in Wales - are of a paranormal being. "I don't mean that these are the ghosts of some creature which has died; I think it is more complex than that."

In his time as a professional monster hunter, Mr Freeman has travelled the world gathering tales of weird and wonderful creatures - and in every culture, the same types crop up time and again. He calls it the "international monster template", which is made up of dragons and other huge reptiles; large ape-like creatures, such as Sasquatch and the trolls of Medieval Europe; little people, such as fairies and goblins; giant birds; and phantom dogs and cats. "I believe these are equivalents of the creatures which inhabited the plains of Africa millions of years ago, which our ancestors would have had to deal with. We now have a fossil memory of these creatures. Under certain conditions, the human mind creates 3D images of these equivalents."

**Mind Games**

Sceptics such as Benjamin Radford, of the Skeptical Inquirer magazine, also believe that such sightings are our minds playing tricks on us. For it is actually very easy to fool ourselves into believing what we want to believe. What often happens, he has said, is that out in the wilderness, in areas known as Bigfoot locations, someone will see something dark or hairy or fast out of the corner of their eye that startles them. "If they're already thinking that there's a Bigfoot in the area, it's easy to make the leap between saying: 'I saw something, I don't know what it is,' to: 'I saw something and it's Bigfoot.'"

As for the latest find, it will soon be known whether the hair is from a creature thus far unknown to science. And until then, the truth simply lies in the eye of the beholder.

Source: BBC News

19. In paragraph 1, what is the best meaning of the word "questionable"?
  - A. Invisible
  - B. Doubtful
  - C. Dishonest
  - D. Invented
20. In paragraph 3, what would Dave Coltman find "cool"?
  - A. If Bigfoot turned out to be a gorilla
  - B. If the residents had found real hair
  - C. If Bigfoot was genetically close to humans
  - D. If the hair turned out to be human if the hair turned out to be human
21. In paragraph 4, what is the meaning of the first sentence of the fourth paragraph, starting "Regardless of his findings..."?
  - A. The Bigfoot legend exists due to so many sightings
  - B. It is inevitable that Bigfoot will eventually be found
  - C. The Bigfoot legend persists despite a lack of real evidence
  - D. You cannot call it a "myth" anymore

22. What does Richard Freeman say about the possibility of a UK-based Bigfoot?
  - A. Bigfoot couldn't survive hidden in the UK
  - B. The UK is too cold for Bigfoot
  - C. Bigfoot can't live near cities
  - D. The witnesses were possibly drunk
23. What is Mr Freeman's theory about why these creatures are seen around the world?
  - A. The animals have survived from Africa
  - B. We are seeing 3D images of animals that live far away
  - C. We are mistaking dreams for reality
  - D. Our brains are programmed to see such creatures
24. What does Benjamin Radford believe people do when they are frightened?
  - A. Tell lies about what they see.
  - B. Invent more interesting stories to prevent embarrassment
  - C. Misunderstand magic tricks
  - D. See things that are not there
25. Which of these statements are true?
  - A. Dave Coltman believes that Bigfoot is of the primate species.
  - B. Ralph Gray Wolf claims that Bigfoot appears when it is in trouble.
  - C. Richard Freeman believes that the human mind is capable of conjuring 3D images of mythical creatures.
  - D. Benjamin Radford states that our brain does not easily believe such mind tricks.
26. Based on the article, what can we conclude about Bigfoot?
  - A. It remains a myth without any concrete evidence.
  - B. There is scientific evidence to support claims of its existence.
  - C. It is of the primate species.
  - D. It has existed since before the 1800s

**PART 4: GAPPED TEXT**

You are going to read a passage about a family's trip to Seoul. Six sentences have been removed from the article. Choose from the sentences A to H the one which fits each gap (27 to 32). There are two extra sentences which you do not need to use.

Write your answers in the space given.

**VACATION TO SEOUL**

Nurul and her family were deciding on where to go for the year-end holidays. Nurul's sister then suggested Seoul and the whole family thought it was great idea. The whole family flew to Seoul during the second week of the holidays. 27 Upon arrival, Nurul's family felt exhausted but eager at the same time. At the airport, they were met by their guide from Seoul City Travel Buddy.

The driver then drove them to Gyeongbokgung Palace. 28 The palace also had a souvenir shop which sold many types of souvenirs, from pens and notebooks to cookies.

Next on their itinerary was to visit the Myeongdong Street. There were many types of Korean street food stalls and Korean beauty products shops there. After a lot of browsing and walking around Myeongdong Street, Nurul's mother bought a few face sheet masks. 29 They also saw performances by street entertainers.

30 The view along the route was scenic. Nurul and her family did the 7.7km Bukhansan National Park hike even though it was raining. They still enjoyed themselves as the view along the route was gorgeous.

After that, the guide took the family to Masian Beach for the shellfish digging tour. At Masian Beach, they got to go searching for creatures like shellfish, surf clams and webfoot octopus.

31 The family also enjoyed going to the Yangsu-ri Strawberry Farm where they picked strawberries. They were free to pick the biggest strawberries they could find, and they happily filled their baskets to the brim.

32 However, the activity they loved the most at the farm was picking the sweet and juicy strawberries.

Nurul and her family were glad they had taken this trip to Seoul. They enjoyed visiting all the fun and exciting places. They also had a wonderful time bonding with each other.

- A. The fruit market was quite crowded and noisy.
- B. The next morning, the family headed for Bukhansan Mountain.
- C. The Palace tour was spectacular.
- D. The guide then took the family shellfish searching in Masian Beach.
- E. They also got to make their own strawberry jam.
- F. Nurul also grabbed a few skincare products for herself.
- G. The seaside activity was an interesting and new experience for the family.
- H. It took them about seven hours to reach Incheon International Airport from KLIA.

**ANSWER:**

19.B 20.C 21.C 22.A 23.D 24.D 25.C 26.A  
27.H 28.C 29.F 30.B 31.G 32.E

# Kompleks Dewan Kuliah UTeM 14,000 pelajar bakal dapat manfaat

Liana Sahabudin

**AYER KEROH** - Kompleks Dewan Kuliah baharu Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang siap dibina baru-baru ini mampu memberi manfaat kepada kira-kira 14,000 pelajar universiti itu.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTeM, Prof Dr Zulkifilie Ibrahim berkata terbinanya kompleks dewan kuliah itu seiring peningkatan enrolmen pelajar UTeM pada setiap sesi kemasukan.

Jelasnya, perancangan pembangunan dan fasiliti UTeM yang strategik dan holistik ini bagi memastikan kemudahan disediakan dapat memberi keselesaan dan melengkapi sekali gus menyokong proses pengajaran

serta pembelajaran yang serba kondusif.

"Projek ini mendapat kelulusan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) dengan kelulusan kos siling berjumlah RM 15 juta dan siap dibina oleh syarikat pembina iaitu Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Sebarang Perak Berhad," katanya, menerusi satu kenyataan hari ini.

Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) KPT, Dr Mohd Zabri Yusoff; Pengarah Jabatan Kerja



SHAMSUDDIN (tiga kiri) menyerahkan replika kunci Kompleks Dewan Kuliah UTeM kepada Dr Zulkifilie (empat kanan) disaksikan Abdul Razak.

Raya (JKR) Melaka Datuk Ismail Abd Rahman dan Pengerusi Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Sebarang Perak Berhad, Shamsuddin Yusof.

Sementara itu, Penolong Naib Canselor Pem-

bangunan dan Pengurusan Fasiliti UTeM, Prof Mohd Rahimi Yusoff berkata kompleks tersebut berkeluasan 4,452.0 meter persegi.

"Kemudahan ini dilengkapi dua Dewan Kuliah jenis bertingkat dan dua Dewan

Kuliah jenis rata yang mana setiap satu berkapasiti 300 orang di samping empat Dewan Kuliah jenis rata berkapasiti 150 orang serta dua bilik bacaan serta infrastruktur sokongan.

"Turut dilengkapi ruang

pejabat pentadbiran yang menempatkan Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) yang mampu diisi seramai 19 staf yang telah beroperasi di Kompleks Dewan Kuliah ini pada hujung Januari," katanya.

Majlis Simbolik Penyerahan Kunci kompleks itu disempurnakan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPM) Datuk Seri Abdul Razak Jaafar di Kampus Induk UTeM, baru-baru ini.

## 118 graduan KVDSMZ terima diploma



MAJLIS Konvokesyen KVDSMZ ke-6 diadakan di Kompleks Sukan Masjid Tanah, baru-baru ini.

Faiz Hasan

**M ASJID TANAH** - Seramai 118 graduan Kolej Vokasional Datuk Seri Mohd Zin (KVDSMZ) dianugerahkan Diploma dalam Majlis Konvokesyen KVDSMZ ke-6 diadakan di Kompleks Sukan Masjid Tanah, 13 Feb lalu.

Konvokesyen yang diadakan dalam suasana normabaharu itu hanya membenarkan graduan yang lengkap vaksinasi dan tidak bergejala diraikan dalam program berkenaan.

Selain itu, majlis itu juga diadakan tanpa kehadiran ibu bapa dan keluarga bagi mematuhi aspek penjarakan fizikal.

Program dimulakan seawal jam

8 pagi itu memberi pengiktirafan kepada 118 daripada 157 pelajar membabitkan lapan kursus terdiri dari jurusan teknologi dan pengurusan perniagaan.

Penyampaian skrol diploma itu disempurnakan oleh Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Dr Umar Al-Amani Azlan dan disaksikan Pengarah kolej berkenaan, Mohammad Shafie Hamir.

Dalam program tersebut, Muhammad Zakwan Zahari dinobatkan sebagai Anugerah Pelajar Terbaik manakala lapan lagi graduan menerima Anugerah Terbaik Program.

## Hala tuju MiCoST dibincangkan bersama Menteri

Salman Hamat

**AYER KEROH** - Pengurusan tertinggi Kolej Antarabangsa Sains & Teknologi Melaka (MiCoST) mengadakan kunjung hormat keatas Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, baru-baru ini.

Kunjungan hormat diketuai Ketua Eksekutif MiCoST Akmal Manap itu turut disertai Pengurus Pembangunan Perniagaan, Suhaini Amsah dan Pengurus Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Mohd Aiman Mohamed Hassan.

Akmal berkata, antara objektif kunjung hormat itu adalah membincangkan mengenai infrastruktur, kebijakan pelajar dan hala tuju MiCoST.

"Perjumpaan ini penting bagi memastikan MiCoST menjadi sebuah institusi pengajian tinggi berkaliber, kondusif dan dapat melahirkan pelajar yang berkualiti serta mampu bersaing dalam pasaran tenaga kerja.

"Turut dibincangkan adalah usaha untuk memperkasakan pendidikan tinggi negara ke arah inovasi sains dan teknologi memandangkan penggunaan teknologi khususnya digital pada masa kini semakin meningkat serta pesat membangun," katanya menerusi satu kenyataan.

Hadir sama Setiausaha Politik Menteri Pengajian Tinggi Datuk Shah Headan Ayob Hussain Shah dan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi Prof. Datuk Dr. Husaini Omar.



AKMAL (kiri) berbincang bersama Noraini (kanan) mengenai hala tuju MiCoST.

# Of Nusantara and Nusantaria: Palapa and Other Names



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

**NUSANTARA** as the new capital of Indonesia was received with mixed feelings amongst the Malay intelligentsia in Malaysia. They suggested 'Kota Nusantara'. There is apprehension that the (Indonesian) national force of 'Nusantara' may eclipse the term 'Kepulauan Melayu' (Malay Archipelago) as a geo-cultural concept.

Jakarta gave several reasons for Nusantara. One being that the name has been known since before modern times, that 'Nusantara' is internationally iconic; and that it reflects the 'kenusantaraan' of the Republic.

The *rantau* (region) is often referred to as 'maritime South East Asia.' A more general term 'South East Asia' dates only to World War II. Japan had used the term 'Tonan Ajiya' (South East Asia) from the late nineteenth century. In European languages it did not become widespread until the 1950s, bringing together the mainland states between China and India with the islands. It has been argued that the formation of the Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) in 1967 added to the notion that mainland and maritime were one, in practice, they have divergent interests and religion, now as in the past.

The naming of the *rantau* is an interesting story. Philip Bowring in *Empires of the Winds: The Global Role of Asia's Great Archipelago* (2019) traces the nomenclature over time. The 'Indian archipelago' or 'Insulinde' have long been the name of the islands. Alternatively, reference was made to the 'Malay archipelago.' Neither term distinguishes between the Indonesian and the Philippine island groups. These correspond roughly to 'Nusantara' – a name that goes back to the 13th century Java-based Majapahit empire. 'Nusantara' – where *Nusa* being a Sanskrit-derived word meaning 'island' and *antara* meaning between 'dua benua' (two continents). Hence literally "islands in between (two continents)." And the two continents are referred to as India, and China.

So 'Nusantara' is defined as the region of islands and coasts over which Majapahit rule, tribute or mercantile influence extended. According to Bowring, it covered most of what is now Indonesia, part of the Philippine Archipelago, the central Vietnam coast and the Malay peninsula: "Beyond its Javanese heart it did not rule directly but held sway over the many small mercantile states of the region." Malays in Malaysia would use 'Nusantara' in the narrower sense, specifically referring to



NUSANTARA as the new capital of Indonesia. (Photo Credit: nikkei asia)

the Indonesian archipelago.

In broadening the concept, Bowring chooses the term 'Nusantaria' – the single maritime region between the northern entrance to the Melaka and Luzon straits, and the Banda Islands in the extreme east of the archipelago. While this understanding predominantly describes the wider Malay world, and touching too on Taiwan, Madagascar and the Marianas, Nusantaria links to the coastal Thai, Chinese, Tamil and other players in the history of the exchange of goods, people and ideas. The exchange occurs from both within the region and with peoples to the west and north-east.

Nusantaria also corresponds to the term 'Nusantao' to define the mostly Austronesian-speaking peoples of the ancient trading networks of the islands and coasts, where *tao* means people in many Austronesian languages.

The maritime zone referred to is now mostly associated with its largest component, the South China Sea. Again there is the problem of nomenclature. The South China Sea is a misnomer. We have heard of 'Nanhai' or 'Nanyang' which means 'South Sea' or 'Southern Ocean' for seas that included the South China Sea, but could also refer to southern seas generally. The Vietnamese used geographical location, calling it the 'East Sea' because it lay to their east. And my last visit to Manila found maps sold in bookshops referring to the Philippine name on its adjacent water as the 'West Philippine Sea' – an obvious response to recent Chinese claims. The term 'Philippine Sea' had been used by early

**"There is apprehension that the (Indonesian) national force of 'Nusantara' may eclipse the term 'Kepulauan Melayu' (Malay Archipelago) as a geo-cultural concept."**

17th century European mapmakers.

We also find Indonesia's reference to its portion as the Natuna Sea, after the island group of that name. Its location makes many Malaysians perplexed. According to Bowring, the name 'South China Sea' is a European invention of relatively recent date. In the 16th century, the Portuguese, the first Europeans who got there, called it the 'Cham Sea,' after the mercantile state in what is now central Vietnam. And Arabs at one time called the southern part of it the 'Malay Sea' or the 'Spice Sea' because it was close to the Spice Islands.

The more northern part of the 'South China Sea' was known as the 'Sanf Sea', a reference to Champa. Others call it the Luzon Sea, after the main island in the Philippines. Again it was said that Westerners refer to the portion of the area as part of the Indian Seas. 'China Sea' only came into Western use around 1800. 'South' was added in the early 20th century.

A few hundred years back, Nusantaria was almost entirely Malay – using the term 'Malay' in its broad cultural and linguistic sense. And what do people in the region see themselves as? They see individual entities, spheres of political influence, religion, and

trade, long been linked to dynasties and rivalries, fluid interactions and interconnecting as one and many.

Recall Palapa, the series of communication satellites owned by Indonesia's Indosat in the mid 1970s. The reason for naming the satellite 'palapa' resonates the past of Indonesia, in bringing together the archipelago under the 'hegemony' of one nation. And 'Nusantara' the capital? Then in the 1970s and 1980s, satellite technology was identified with media, then cultural imperialism. And perhaps too it is time to reassess notions of sovereignty among Malay nations in the region.

**NEXT WEEK:  
The Scribe's Memoir**

\*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.



DR. SHANKAR GUNARASA



ANDA mungkin pernah mendengar tentang ujian endoskopi, mungkin daripada rakan-rakan anda yang pernah menjalani ujian tersebut atau anda sendiri pernah mengharungi ujian ini. Mungkin ramai yang tertanya-tanya adakah ujian ini akan memberi sebarang kesakitan? Diharapkan selepas membaca artikel ini, segala keraguan anda tentang ujian endoskopi akan mendapat sedikit pencerahan.

Sebelum itu, apakah itu sebenarnya ujian endoskopi? Ia terdiri daripada dua jenis ujian iaitu Oesophago-gastroduodenoskopi (OGDS) atau endoskopi gastrousus dan kolonoskopi atau endoskopi usus besar. Endoskopi gastrousus (UGI) adalah kaedah yang digunakan untuk memeriksa bahagian-bahagian usus seperti oesofagus, perut dan bahagian pertama usus kecil (duodenum). Begitu juga dengan colonoscopy di mana bahagian lapisan mukosa usus besar dan rektum akan dikaji. Dalam ujian ini, endoskopi yang beralatkan fiberoptik kabel dan berhujungkan kamera nipis dan fleksibel digunakan dengan memasukkan melalui mulut atau dubur. Visual pergerakan dalam

# Bilakah anda perlu menjalani ujian endoskopi?




perut atau usus akan ditonton secara serentak oleh doktor melalui skrin. Jika dibandingkan dengan ujian sinar-X, endoskopi dapat memaparkan beberapa penyakit yang tidak dapat dilakukan oleh sinar-X. Ujian ini akan membantu doktor untuk mencari ulcer, keradangan, tumor, jangkitan atau pendarahan; untuk mengumpul sampel tisu, membuang polip dan merawat pendarahan.

**Mengapakah ujian endoskopi ini perlu di lakukan? Ujian OGDS bias-**

## any dilakukan untuk:

- Menyiasat gejala gangguan penghadaman seperti rasa loya, muntah, kesukaran menelan dan pendarahan gastro usus;
- Sakit di ulu hati selepas pemakanan untuk mengenal pasti masalah gastrik
- Muntah berdarah atau pembuangan najis hitam untuk mengenal pasti ulcer di perut
- Diagnosis untuk kanser oesofagus dan kanser perut



## Ujian colonoscopy dilakukan untuk:

- Diagnosis kanser kolorektal
  - Pembuangan najis berdarah
  - Masalah radang usus dan mengenal pasti adakah radang usus itu berpunca daripada infeksi atau IBD (inflammatory bowel disease)
  - Diagnosis sembelit
- Apakah persediaan yang perlu dilakukan sebelum menjalani ujian endoskopi? Anda perlu memberitahu ubatan yang anda sedang ambil seperti
- Aspirin atau jenis ubat yang mengandungi aspirin
  - Ubat cair darah
  - Ubat kencing manis dan darah tinggi



DR. SHANKAR MENUNJUKKAN ALATAN SISTEM ENDOSKOPI.

Ubatan seperti aspirin dan ubat cair darah perlu dihentikan beberapa hari sebelum ujian endoskopi. Ini adalah kerana ubatan ini boleh memberi pendarahan di lapisan mukosa semasa ujian dijalankan. Jika ini berlaku, sukar bagi doktor untuk meneruskan ujian endoskopi tersebut kerana ini akan memberi visual yang kurang optimal bagi doktor disebabkan oleh pendarahan ini.

Pesakit juga perlu berhenti makan, minum, merokok dan mengunyah empat hingga lapan jam sebelum ujian bagi memastikan perut kosong untuk mendapat hasil ujian yang tepat dan baik. Bagi ujian colonoscopy pula, anda akan diberi ubat lawas yang diambil sehari sebelum supaya usus bersih semasa ujian tersebut.

## Apakah yang berlaku semasa ujian endoskopi tersebut?

Doktor biasanya akan memberikan ubat untuk membantu anda tidur semasa

prosedur dijalankan. Anestetik cecair untuk berkhumur atau menyembur anestetik di bahagian belakang kerongkonng akan diberikan kepada anda. Anestetik ini menjadikan tekak berasa kebas dan menenangkan refleks gag. Dengan cara inilah, prosedur OGDS dapat dilakukan dengan selesa oleh doktor. Begitu juga dengan prosedur colonoscopy di mana ubat tidur dan penahan sakit akan diberikan sebelum ujian tersebut dijalankan. Yang paling utama, doktor akan memastikan pesakit sentiasa selesa dan selamat semasa prosedur endoskopi ini dijalankan.

Semasa ujian endoskopi, doktor akan memeriksa lapisan mukosa, mengeluarkan polip dan melakukan biopsy kepada sebarang ketumbuhan. Selepas prosedur ini, pesakit kadangkala akan merasa loya disebabkan kesan anesthetik dan kembung abdomen disebabkan kesan gas karbon dioksida. Kesan ini hanya akan berlalu seketika sahaja. Anda juga perlu fahami, ujian ini boleh memberi komplikasi keboceoran usus antara kebarangkalian 0.2 peratus.

Oleh itu, jika doktor anda menasihati untuk menjalani ujian endoskopi, jangan ragu-ragu. Ini kerana ujian ini boleh membantu memberi diagnosis yang tepat dan rawatan yang berpatutan untuk anda.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan ujian endoskopi, anda boleh berhubung dengan saya, Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131

# Bashar dan Basheer penyeri Pantai Puteri

Din Ahmad

**PANTAI KUNDOR** - Kehadiran dua unta jantan, Bashar dan Basheer memberi pengalaman baharu kepada pengunjung pantai peranginan Pantai Puteri di sini.

Meskipun haiwan itu melangkah perlahan, ia pasti mendebaran mereka yang menunggang haiwan berkenaan atau menaiki kereta kuda yang diubah suai menjadi 'kereta unta'.

Pemilik dua haiwan berkenaan, Ahmad Bakri Ali, 58, berkata, dia mengambil inisiatif untuk menyediakan perkhidmatan pelancongan itu kepada pengunjung, terutama pelancong di pantai peranginan Pantai Puteri, Tanjung Kling di sini.

Katanya, Bashar yang berusia 15 tahun akan ditunggang oleh pelancong manakala Basheer berusia sembilan tahun digunakan untuk menarik kereta khas yang disediakan.

Jelasnya, Bashar dibeli pada harga RM27,000 ketika haiwan itu berusia 13 tahun manakala Basheer pada harga RM20,000 pada usia tujuh tahun dan kedua-duanya dipelihara di kandang Ahmad Bakri di Sungai Udang, kira-kira 10 kilometer dari Pantai Puteri.

"Saya memberi unta makan rumput napier

dan palet atau dedak yang saya berikan kepada kuda di kandang alhamdulillah, Bashar dan Basheer gemar makanan itu."

"Bashar diajar untuk membawa penumpang di atasnya manakala Basheer diajar menarik kereta kuda yang saya ubah suai menjadi kereta unta," katanya ketika ditemui di Pantai Puteri hari ini.

"Setiap penumpang dewasa bagi kereta unta dikenakan bayaran RM 10 manakala kanak-kanak RM5 dan bagi mereka yang ingin menunggang Bashar, caj RM 10 bagi penumpang dewasa dan kanak-kanak dikenakan, katanya.

Sementara itu, pengunjung pantai yang datang dari Negeri Sembilan, Tuan Muhammad Luqman Tuan Man, 47 berkata beliau teruja menikmati pengalaman menunggang unta yang mendebaran kerana faktor ketinggian haiwan yang hidup di padang pasir itu.

"Alhamdulillah, saya tidak pernah menunggang unta sebelum ini dan peluang menunggang Bashar hari ini amat mengujakan saya."

"Begini juga dengan anak saya yang seronok menyaksikan unta secara dekat, apatah lagi ketika menaiki kereta unta menyusuri pantai sejauh kira-kira 300 meter," katanya.



PENGUNJUNG ceria menaiki kereta unta ditarik oleh Basheer menyusuri pantai sejauh 300 meter di Pantai Puteri, Tanjung Kling. Foto Din Ahmad

**FLY board merupakan tarikan sukan air yang bakal diperkenalkan di Tasik Ayer Keroh bermula bulan depan.**



## Boleh terbang atas air!

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**AYER KEROH** - Kawasan Pelancongan di Ayer Keroh akan terus berwajah baharu apabila tarikan sukan air bakal diperkenalkan bermula bulan depan.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) Datuk Shadan Othman berkata, antara sukan air yang bakal diperkenalkan ialah 'Fly Board' yang mana orang ramai boleh merasai pengalaman terbang di atas Tasik Ayer Keroh.

Selain itu, katanya, beberapa lagi tarikan baharu akan turut diperkenalkan seperti 'flying fox', jetski, berkayak dan mengembalikan semula aktiviti 'paddle boat' di tasik berkenaan.

"Tasik Ayer Keroh memang menjadi lokasi sukan air sebelum ini, namun kebanyakannya sudah terhenti lama akibat beberapa

faktor, jadi kita nak merancakkan semula aktiviti sukan air di situ."

"Semua ini, merupakan sebahagian daripada Rancangan Kawasan Khas (RKK) Ayer Keroh yang telah kita bangunkan bertujuan untuk menghidupkan kawasan pelancongan di kawasan ini."

"Jika sebelum ini orang anggap tak banyak tarikan di Ayer Keroh dan memilih untuk ke bandar, tetapi dengan pembaharuan demi pembaharuan yang dilakukan, saya percaya kita mampu menarik ramai pelancong tertumpu di sini," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Selain tarikan sukan air, Shadan berkata, pelancong juga boleh merasai pengalaman menginap di chalet dalam hutan bertemankan alam semula jadi di Forest Stay Taman Botani.

Katanya, terdapat 12 chalet yang sudah dibuka tempohannya bermula bulan ini.

## Tema safari ceriakan anak-anak ambil vaksin

Liana Sahabudin

**KLEBANG** - Dihiasi belon berwarna-warni serta bertemakan Safari, itu antara inisiatif dilaksanakan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Encore, di sini, bagi menceriakan Program Vaksinasi COVID-19 Kanak-Kanak (PICKids).

Tinjauan Melaka Hari Ini (MHI) seawal jam 10 pagi, 14 Feb lalu mendapati dari pintu masuk sehingga ke pintu keluar, PPV tersebut dipenuhi dengan belon dan ruang gambar yang berkoncepsyen kanak-kanak.

Lebih menarik petugas-petugas kesihatan yang memberi vaksin kepada kanak-kanak turut memakai kostum kartun animasi dan topi haiwan seperti harimau belang, harimau bintang, jerung serta 'unicorn'.

Inisiatif itu dilakukan bagi mewujudkan suasana berbeza berbanding pemberian vaksin untuk golongan dewasa.

Ia juga pada masa sama dapat memasarkan kanak-kanak yang datang merasa lebih ceria dan seronok apabila diraiakan.

Bagi ibu kepada empat anak, Tan Hui Lin, 36, kostum haiwan dan dekorasi menarik yang disediakan di PPV itu nyata menghilangkan rasa takut kepada anak-anaknya untuk menerima suntikan vaksin COVID-19.

"Suasana di sini seakan majlis hari jadi, anak saya pada awalnya yang gementar untuk divaksin bertukar ceria sewaktu tiba di sini."

"Tertarik dengan dekorasi safari di sini... dia tak perasan yang petugas kesihatan telah pun memberi suntikan vaksin," katanya.

Untuk rekod PPV Encore dibuka setiap hari selama 16 minggu bermula jam 8 pagi sehingga 5 petang dengan kapasiti lebih 300 penerima setiap hari.



PETUGAS kesihatan memakai topi haiwan yang comel semasa menyuntik vaksin kepada kanak-kanak di PPV Encore Klebang.

# Waspada kehadiran ular di musim panas

Norizan Abdul Muhid

**ALOR GAJAH** - Dua ekor ular rusuk kerbau sepanjang satu meter setengah menceroboh masuk ke dapur kelas pendidikan khas Sekolah Kebangsaan (SK) Datok Naning, 15 Feb lalu.

Bagaimanapun, tiada murid berada dalam kelas pada waktu kejadian dan ular itu berjaya ditangkap anggota Angkatan Pertahanan Awam (APM) Alor Gajah.

Menurut Pegawai Operasi, Bencana dan Logistik Pejabat Daerah Pertahanan Awam Alor Gajah (PDPA), Leftenan (PA) Abdul Hadi Baharom, kes di sekolah berkenaan merupakan satu daripada tiga aduan yang diterima dalam tempoh dua hari.

Beliau berkata, pihaknya turut menerima dua aduan ular memasuki kenderaan yang diparkir di tempat terbuka Kampung Pekan Alor Gajah dan Taman Kelemek.

Menurut Abdul Hadi dalam kejadian di Kampung Pekan Alor Gajah, pihaknya menerima aduan seekor ular tedung memasuki bahagian enjin kereta Proton Persona pada jam 3 petang.

Menurutnya, ular tersebut dikatakan mahu memasuki sebuah

rumah di kampung itu namun setelah dihalau, reptilia tersebut menjalar memasuki bonet hadapan kereta berkenaan yang diparkir di tepi rumah itu.

"Anggota APM tiba di lokasi jam 3.36 petang namun berdepan kesukaran berikutan ular tedung itu menyorok di bahagian enjin yang sempit."


"Oleh sebab itu, kita mengambil masa kira-kira 30 minit untuk menangkap ular tedung sepanjang satu meter lebih itu," katanya.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya turut menerima panggilan dari seorang pemandu treler yang menemui ular sawa menjalar di hadapan cermin kenderaannya.

Menurutnya, seramai empat anggota bergegas ke lokasi dan berjaya menangkap ular berkenaan.

Beliau berkata, peningkatan kes berkaitan penangkapan ular sejak akhir-akhir ini dipercayai berikutan cuaca panas yang menyebabkan spesies reptilia itu mencari tempat yang lebih sejuk untuk berlindung.

Justeru, beliau menasihatkan orang ramai agar peka dengan keadaan sekeliling dan segera menghubungi pihak berkuasa bagi mendapatkan bantuan jika mengesyaki terdapatnya kehadiran reptilia berbahaya di premis mereka.



ULAR tedung yang memasuki bonet hadapan sebuah kereta di Kampung Pekan Alor Gajah. Foto : APM Alor Gajah

## BANDAR BARU SUNGAI UDANG, MELAKA

(BELAKANG KFC)

**RUMAH TERES 1 TINGKAT**  
24'x65' | 24'x84'  
dari RM266,000.00



**KEDAI 2 TINGKAT**  
24' x 65'  
dari RM548,000.00



**RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT**  
60' x 70'  
dari RM472,000.00



**CENGAL PADU SDN BHD**

G-26, Jalan KPMJ 3, Kompleks Perniagaan Musai Jaya, 75400 Melaka

06-264 4212 | 016-661 5783 | <http://www.wasap.my/60166615783>

## Masjid perlukan RM33,000 baiki pendawaian uzur

Din Ahmad

**AYER LIM AU** - Pihak pengurusan Masjid al-Wakil, Lubok China di sini bimbang risiko litar pintas berikutan wayar atau dawai uzur yang terendam dalam banjir besar pada kejadian Dislalu.

Pengerusi masjid, Nasarudin Mohamad, 60, mendakwa wayar yang sudah uzur dan terendam selama kira-kira 24 jam akibat banjir pada 18 Dis lalu mendedahkan masjid kepada risiko kebakaran.

"Kami amat bimbang dengan situasi itu dan berharap ada pihak yang sudi memberikan sumbangan untuk kami mengupah kontraktor membuat kerja pendawaian semula secepat mungkin."

"Seorang kontraktor pendawaian elektrik yang membuat penilaian baru-baru ini menganggarkan kerja berkenaan memerlukan kos RM33,000," katanya ketika ditemui di masjid itu, 14 Feb lalu.

Nasarudin berkata, pihak pengurusan masjid sudah menerima sumbangan RM67,000 daripada Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan RM55,000 daripadanya sudah dimanfaatkan untuk pembelian dan pemasangan jubin lantai masjid.

Katanya, pemasangan jubin adalah atas nasihat pegawai MAIM bagi menggantikan penggunaan permaidani yang sebelum ini ditenggalami air akibat banjir yang melanda.

Beliau berkata, baki RM12,000 daripada sumbangan MAIM digunakan untuk kerja pembaikan sistem pembesar suara yang membabitkan perbelanjaan keseluruhan RM19,900.

Selain itu, pengurusan masjid juga memerlukan peruntukan bagi menggantikan 12 pintu yang rosak akibat banjir sebelum ini.

Sehubungan itu, beliau merayu anggota komuniti menghulurkan sumbangan dengan menginfakkan wang ke akaun Bank Islam 040240-1000-4828 bagi membolehkan kerja pendawaian semula dilaksanakan.



NASARUDIN menunjukkan pendawaian uzur yang dibimbangi menyebabkan litar pintas di Masjid al-Wakil, Lubok China.

# Ditipu penjual iPhone murah di Instagram

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**AYER KEROH** - Gara-gara mahu membeli telefon bimbit iPhone 13 Pro dengan harga murah, seorang wanita terpaksa menanggung kerugian besar akibat ditipu 'scammer'.

Ketua Jabatan Siasatan Jaya Komersial (JSJK) negeri, Superintendant E Sundra Rajan, mangsa yang bekerja sebagai pembantu jualan terpedaya dengan tawaran iPhone 13 pro berharga RM1,200 menerusi laman Instagram pada 13 Feb lalu.

Beliau berkata, mangsa kemudian bertindak menghubungi suspek melalui nombor telefon yang disertakan dan diarah membuat bayaran secara berperingkat ke dalam akaun yang diberikan.

Bagaimanapun, mangsa berasa

dirinya ditipu selepas suspek masih meminta wang daripadanya meskipun sudah memasukkan wang keseluruhan berjumlah RM10,320 pada hari yang sama.

"Suspek menggunakan alasan wang berkenaan akan digunakan sebagai caj pembayaran kastam dan caj insurans pembungkusan."

"Namun apabila suspek masih meminta wang, mangsa baru sahaja menyedari dirinya diperdaya, sebelum membuat laporan polis di Balai Polis Jasin, semalam," katanya.

Beliau berkata, hasil semakan pihak polis menerusi aplikasi 'Semak Mule CCID' mendapat nombor telefon digunakan suspek mempunyai enam rekod melibatkan modus operandi yang sama.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaaan atas

kesalahan menipu.

"JSJK Melaka menasihati orang ramai agar tidak mudah percaya dengan penjualan telefon bimbit secara dalam talian yang menawarkan harga jauh lebih murah berbanding harga pasaran."

"Orang ramai dinasihati membuat semakan ke atas nombor telefon atau nombor akaun yang meragukan di laman web <http://ccid.rmp.gov.my/sema-kmule> atau memuat naik aplikasi 'Semak Mule CCID' melalui Plays-store," katanya.

Sundra Rajan memaklumkan, setakat 1 Jan hingga 13 Feb, sebanyak tujuh kes penipuan pembelian telefon bimbit secara dalam talian telah direkodkan di Melaka membabitkan kerugian berjumlah RM52,190.



WANITA terpedaya iklan jualan iPhone 13 Pro murah di Instagram. Gambar hiasan



MOHD Raba'ai (tengah) diiringi anggota polis ketika dihadapkan ke mahkamah.

## Bomoh 'Atok' didakwa cabul pesakit

**AYER KEROH** - Seorang bomoh warga emas mengaku tidak bersalah selepas dihadapkan ke Mahkamah Majistret Ayer Keroh, di sini, 15 Feb lalu atas pertuduhan mencabul pesakitnya ketika memberikan rawatan, bulan lalu.

Tertuduh, Mohd Raba'ai Parman, 66, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan oleh jurubahasa di hadapan Majistret Mohamad Izwan Mohamed Noh.

Mengikut pertuduhan, Mohd Raba'ai didakwa melakukan cabul dengan menyapukan limau nipis dan telur ayam ke atas badan mangsa, seorang wanita berusia 41 tahun.

Kesalahan itu dilakukan di kediamannya di Taman Rambai Utama, Melaka Tengah kira-kira jam 9

malam, 11 Jan lalu.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda atau sebat atau mana-mana dua daripada hukuman itu mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaaan.

Difahamkan mangsa bersama rakan lelaki dan anak perempuannya datang ke rumah suspek yang dipanggil 'Atok' untuk mendapatkan rawatan selepas berasa emosinya sering tidak stabil serta kerap marah.

Mangsa mendakwa diarah berkelan dan mandi sebelum tertuduh memulakan proses rawatan sehingga cuba meraba alat sulitnya.

Terdahulu prosiding yang dikenalakian Timbalan Pendakwa Raya

Fiqri Hakim Zamri mencadangkan jaminan RM4,000 dengan mengambil kira kes berkenaan adalah melibatkan cabul pesakit.

Mohd Raba'ai diwakili peguam Senthil Ramu bagaimanapun merayu jaminan rendah diberikan memandangkan anak guamnya menghidap pelbagai masalah kesihatan selain tidak bekerja dan menanggung isteri yang kurang sihat.

Mohamad Izwan pada penghakimannya kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM3,000 dan mengarahkannya untuk tidak mengganggu serta mendekati mangsa yang juga saksi pendakwaan.

Mahkamah turut menetapkan 28 Mac depan sebagai tarikh sebutan semula kes dan serahan dokumen.



ANTARA rokok seludup yang dirampas polis dalam Op Kontraban di Taman Botanikal Ayer Keroh.

## Upah RM200 ambil, hantar rokok seludup

Siti Salehah

**AYER KEROH** - Polis merampas lebih 73,000 batang rokok dipercayai diseludup selepas menahan seorang lelaki berhampiran Taman Botanikal, Ayer Keroh, di sini, 16 Feb lalu.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah Asisten Komisioner Christopher Patit berkata, suspek berusia 39 tahun itu ditahan kira-kira 3.30 petang dalam Op Kontraban.

Beliau berkata, terdahulu pihaknya mengekori kenderaan pelbagai guna (MPV) Toyota Innova dipandu juruteknik penda-

wian itu sebelum ditahan di pintu gerbang Ayer Keroh.

"Hasil pemeriksaan di dalam MPV itu menemukan sebanyak 492 karton bersamaan 73,056 batang rokok tanpa cukai dipercayai rokok seludup.

"Semakan juga mendapati MPV terbabit menggunakan nombor pendaftaran palsu dan kesemua rampasan itu bernilai RM70,000," katanya.

Christopher berkata, siasatan mendapati suspek yang berperanan sebagai 'transporter' itu datang dari Kuala Lumpur ke Melaka untuk mengambil bekalan rokok berkenaan.

"Suspek hanya memandu MPV berkenaan selepas mengambilnya di kawasan parkir di Malim, bekalan rokok sudah dimuatkan ke dalam kenderaan itu, kami percaya aktiviti ini aktif sejak Oktober tahun lalu.

"Dia dikatakan dibayar RM200 untuk setiap pengantaran dan arahan lokasi rokok itu akan dihantar hanya diberitahu selepas suspek melepassi Plaza Tol Sungai Besi," katanya.

Menurutnya, suspek kini direman sehingga 19 Februari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967.



## Tengkorak, rangka manusia dalam semak

LOKASI penemuan tengkorak dan rangka manusia di kawasan semak di Jalan Tengkera, baru-baru ini.

Fiqha Jamal

**KOTA LAKSAMANA** - Penduduk di Jalan Tengkera, di sini, gempar dengan penemuan tengkorak dan rangka manusia dalam kejadian 14 Feb lalu.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Christopher Patit berkata, pihaknya menerima panggilan pada jam 5 petang daripada seorang lelaki bekerja di kedai tayar berhampiran lokasi kejadian berhubung penemuan itu.

Katanya, bertindak atas laporan, sepasukan anggota Bahagian Siasatan Jenayah Daerah Melaka Tengah dan pasukan Siasatan Khas D9 ke lokasi kejadian.

Menurutnya siasatan di tempat kejadian menemui kad pengenalan diri seorang lelaki Cina berusia 87 tahun yang berada dalam dompet di poket seluar berhampiran rangka yang dijumpai dalam semak.

"Tengkorak yang ditemui adalah dipercayai warga emas dilaporkan hilang oleh anak saudaranya pada 31 Jan lalu.

"Berdasarkan sema-



CHRISTOPHER

kan, warga emas itu dikatakan tinggal seorang diri di Kota Laksamana dan mempunyai masalah pelupa akibat sakit tua.

"Sebelum dilaporkan hilang mangsa dipercayai berjalan ke lokasi kejadian dan berkemungkinan terjatuh di kawasan semak samun berhampiran," katanya.

Christopher berkata tengkorak dan rangka manusia itu dihantar ke Jabatan Forensik Hospital Melaka bagi siasatan lanjut.

"Memandangkan siasatan awal tidak menemui sebarang petunjuk atau sebarang unsur jenayah, kes diklasifikasi sebagai mati mengejut (SDR)," katanya.

**HARTANAH UNTUK DIJUAL**

**TAMAN DUYONG BESTARI**  
DUYONG, MUKIM MELAKA TENGAH, MELAKA  
LOT 1446/PT 5236, 5237, 5238, 5239, 5272 & 5273

**MUKIM PERNU,**  
**DAERAH MELAKA TENGAH,**  
**MELAKA**  
LOT 1707 – LOT 1714

**MUKIM BUKIT KATIL, DAERAH MELAKA**  
**TENGAH, MELAKA**  
LOT 2750-2751, 26001 – 26002, 2753-2758 & 2829-2832

**Harta Tanah Untuk Dijual**

**Harga Bermula dari RM 250,000.00**

**Harga Bermula Dari RM 697,000.00**  
Untuk 3unit Bumi Kuota Sahaja

**Harga Bermula dari RM 197,000.00**

**Harga Bermula dari RM 88,000.00**

# Pekena nasi kenduri tepi 'highway'

Faiz Hasan

**PAYA RUMPUT** - "Alhamdulillah biarpun ada pelanggan yang pada awalnya terkejut dan bingung dengan kelainan konsep kami, kini ia semakin diterima ramai."

"Dalam sehari kira-kira 200 pelanggan singgah tapi pada hujung minggu boleh mencapai 500 orang," kata Pengurus Kebulok Corner, Huzaimi Husain yang menguruskan Warung Nasi Kenduri Kahwin Melaka berkonsepkan majlis perkahwinan.

Warung terletak di tepi jalan di Paya Rumput, di sini, menarik perhatian ramai apabila khemahnya dihias renda kain biru dan merah, bunga manggar dan langkah tetamu diiringi lagu sering dimainkan pada majlis perkahwinan masyarakat Melayu.

Lebih menarik, warung itu juga dilengkapi dengan hiasan perlamin diletakkan bersama bunga telur sekali gus menaikkan lagi suasana seperti berada di majlis perkahwinan.

Pelbagai lauk pauk seperti gulai kawah, kari kambing masala dan ayam masak merah disediakan manakala minuman diber-



WARUNG Nasi Kenduri Kahwin Melaka terletak di bahu jalan lebuh AMJ.

kan secara percuma namun boleh ditambah beberapa kali dengan bayaran RM1.

Tinjauan Melaka Hari Ini mendapati, warung yang terletak di bahu jalan lebuh Alor Gajah-Melaka Tengah-Jasin (AMJ) semakin didatangi pelanggan apabila bermula waktu puncak.

Huzaimi berkata, idea itu diketengahkan bagi mencetus ke-

lainan di negeri ini malah memberi peluang kepada pelanggan yang merindui suasana itu selepas dihimpitkekangan akibat penularan pandemik COVID-19.

Katanya, warung itu turut menarik perhatian pengantin baru untuk menganjurkan majlis persandingan dan resepsi sekali gus menjimatkan kos.

"Selesai majlis akad nikah di

masjid singgah ke warung saya untuk bersanding. Setakat ini kami ada menerima tempahan daripada beberapa bakal pengantin dan amat mengalu-alukan kedatangan mereka.

"Ada juga 'pengantin lama' singgah ke warung ini bergambar atas perlamin untuk mengimbau kenangan ketika bergelar raja sehari," katanya.



HUZAIMI

Dia membuka warung itu sebagai ikhtiar untuk menyelamatkan perniagaan katering diusahakan yang terjejas teruk akibat COVID-19.

"Ketika itu tempahan merosot hingga 60 peratus, ramai pengantin terpaksa tangguhkan majlis mereka ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)."

"Kerana tidak mahu membuang pekerja sayat terpaksa mencari jalan lain termasuk kami bersama-sama membuka gerai menjual makanan di tepi jalan demi meneruskan kehidupan," katanya.

## Peniaga lega tiada sekatan bazar Ramadan

Din Ahmad

**LENDU** - "Alhamdulillah, syukur kepada Allah dan terima kasih kerajaan kerana membenarkan peniaga bazar Ramadan beroperasi April depan."

Itu reaksi peniaga, Mohd Farhan Azwan Mohd Azlan, 33 yang gembira dengan perkhabaran diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam berhubung tiada sekatan ke atas bazar Ramadan tahun ini.

"Walaupun pandemik COVID-19 masih mengancam anggota komuniti di negara ini, bazar Ramadan tetap dibenarkan.

"Saya yakin kerajaan membenarkannya kerana hampir 100 peratus rakyat kita sudah menerima dua dos vaksin," katanya

ketika ditemui memasak di kediamannya di Kampung Solok Duku, di sini, 13 Feb lalu.

Dia yang sudah berniaga di Bazar Ramadan Pekan Masjid Tanah sejak 1999 berkata, sejak pandemik melanda negara, beliau sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) perniagaan di bazar berkenaan yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Mohd Farhan berkata, ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 dilaksanakan pada Mac 2020, beliau dan peniaga yang lain tidak berpeluang beroperasi tetapi peluang itu dibuka semula pada Ramadhan tahun lalu.

Katanya, dia sebagai peniaga turut berharap pelanggan mampu memberikan kerjasama penuh dengan mematuhi SOP yang bakal diperhalusi oleh KKM kelak.

Sementara itu Abu Hassan Ahmad, 43, yang berniaga di Bazar Ramadan Sungai Udang, berkata kenyataan Perdana Menteri itu meredakan kebimbangan peniaga mengenai nasib mereka pada Ramadan kali ini.

"Alhamdulillah, kerajaan mendengar rintihan peniaga kecil seperti saya dan peluang yang diberikan ini akan kami gunakan sebaik mungkin," katanya.

Di samping, meskipun sekarang varian Omicron menyebabkan jumlah mereka yang positif COVID-19 meningkat, dia yakin ia tidak seteruk tahun lalu dan sebelumnya kerana kebanyakan anggota komuniti sudah menerima vaksin lengkap.



MOHD Farhan menyediakan pelbagai lauk di gerainya di Bazar Ramadan Masjid Tanah sejak 1999. Foto Din Ahmad

# Kasut manik warisan Baba Nyonya

Faiz Hasan

**BANDARAYA MELAKA** - Jika pelukis menterjemahkan hasil karya pada kanvas, masyarakat Baba dan Nyonya Melaka pulak menggunakan kasut untuk mempersembahkan kehalusan seni sulaman manik warisan turun-temurun nenek mo-

yang mereka.

Ganjaran lumayan bukan sasaran mereka sebaliknya mahu ber Kongsi kehalusan seni kasut manik, mencari kepuasan dan mempertahankan warisan itu daripada lalut ditelan zaman.

Presiden Persatuan Peranakan Cina Melaka (PPCM), Ong Kim



MANIK disulam pada kain sebelum dijahit pada kasut hasil seni tangan baba dan nyonya.



ANTARA peserta menghadiri program Let's Manik Bersama di Bangunan PPCM.

Koon Peter berkata, misi mempertahankan kesenian, tradisi dan budaya masyarakat itu di Melaka menjadi misi utama penubuhan PPCM.

Menurutnya, pelbagai usaha dilakukan bagi memastikan warisan karya agung masyarakat Baba dan Nyonya itu diperturunkan kepada generasi baharu mereka yang menetap di negeri ini.

Bagi tujuan itu pihaknya menganjurkan program Let's Manik Bersama, bertujuan mendedahkan cara dan teknik pembuatan kasut manik yang mampu membawa pulang tinggi serta mendapat permintaan menggalakkan dalam pasaran kraftangan negara.

"Program ini berlangsung se-

lama lima bulan bermula Jan hingga Mei depan. Sepanjang program ini peserta diberikan pendekhan dan tunjuk ajar mengenai cara menyulam manik oleh tenaga pengajar yang berpengalaman dalam pembuatan karya ini.

"Mengikut pasaran kebiasaan-nya kasut yang direka khas menggunakan buatan tangan ini akan dijual antara RM600 hingga RM800 sepasang dan ia mempunyai peminatnya tersendiri.

"Harga sepasang kasut bergantung kepada rekaan, bentuk latar sulaman manik dan saiz kerana pembuatannya begitu rapi serta memerlukan masa yang lama untuk disiapkan," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Dia memberitahu, pembuatan kraftangan itu melambangkan seni halus masyarakat Baba dan Nyonya yang seharusnya diperluaskan lagi bagi memastikan ia kekal terpelihara.

"PPCM meluahkan rasa syukur kerana program mingguan diadakan pada setiap Sabtu dan Ahad mendapat sambutan daripada 30 peserta.

Sekarang mereka sedang tekun menyiapkan sulaman pada kasut masing-masing dan dijangka menjelang Mei nanti semuanya akan siap.

"Program pengekalan budaya seperti ini akan diteruskan menerusi kerjasama pelbagai pihak agar warisan ini tidak terus dilupakan," katanya.



## WEBINAR MELAKA MENGGAMIT DUNIA “FAJAR KEBANGKITAN BAHARU”

**Tarikh : 24 Februari 2022 (Khamis)**  
**Masa : 9.00 Pagi – 12.00 Tengah Hari**



**PANEL JEMPUTAN**  
**YBHg PROF. EMERITUS**  
**TAN SRI DR. MOHD KAMAL HASSAN**  
PENGURUSI DEWAN SENIOR MAJLIS DAKWAH NEGARA



**PANEL JEMPUTAN**  
**YBHg DATO' AZMAR TALIB**  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
TUN RAZAK EXCHANGE



**MODERATOR**  
**YBHg DATUK DR**  
**SABRI BIN MOHAMAD SHARIF**  
TIMBALAN NAIB CANSELOR (HEP) UTeM



**DIRASMIKAN OLEH:**  
**YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI**  
KETUA MENTERI MELAKA



BOLEH DI AKSES MELALUI  
PAUTAN FACEBOOK  
• KERAJAAN NEGERI MELAKA  
• SULAIMAN MD ALI OFFICIAL  
• INSTITUT TUN PERAK  
• MELAKA HARIINI

ANJURAN :



DENGAN  
KERJASAMA :



[www.institut.tun.perak.gov.my](http://www.institut.tun.perak.gov.my)

# Pemanah Melaka bidik empat emas

Fiqah Jamal

**ATLET** pemanah Melaka membawa pulang empat pingat emas dan dua perak dalam Kejohanan Memanah Kebangsaan Sirkit 1/2022, baru-baru ini.

Dalam kejohanan yang berlangsung selama enam hari bermula 8 hingga 13 Feb lalu di Stadium Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) Bangi itu, kontingen Melaka menghantar 27 peserta yang melibatkan 15 acara.

Juwaidi Mazuki muncul wira Melaka apabila menyumbang tiga emas dalam kejohanan itu.

Dua emas disumbangkannya dalam acara perseorangan Qualification Round Compound dan Elimination Round Individual.

Compound, manakala satu lagi emas diraih dalam acara berpasukan Elimination Round Team Compound bersama-sama Alang Ariff Ajil dan Zulfadhl Ruslan.

Satu lagi pingat emas untuk Melaka diraih Andi Putra bagi acara Elimination Round Individual Barebow.

Menurut Juwaidi, kejayaan meraih tiga emas itu nyata menjadi pembakar semangat buatnya dalam menempuh kejohanan lebih besar yang akan datang.

Dia yang juga atlet kebangsaan berkata, menerusi kejayaan itu, dia berpeluang membawa nama negara dalam kejohanan seperti Sukan Sea, Sukan Asia dan banyak lagi bermula pertengahan tahun ini.

"Ini merupakan kejohanan ke-

bangsaan untuk memilih atlet yang layak mewakili Malaysia dalam kejohanan besar seperti Sukan Sea, Sukan Asia yang akan datang.

"Jadi, sudah tentu kejayaan ini amat menggembirakan kerana saya bukan sahaja membanggakan negeri Melaka, bahkan berpeluang mengharumkan nama Malaysia di kejohanan lebih besar," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Untuk rekod, Kejohanan Memanah Kebangsaan Sirkit 1/2022 disertai seramai 442 peserta membabitkan 18 Persatuan Memanah dari seluruh negara.

Kejohanan tersebut merupakan medium mengenal pasti bakat baharu yang akan diketengahkan bagi mewakili Malaysia ke peringkat antarabangsa.



JUWAIDI bersama pingat emas yang dimenanginya dalam Kejohanan Memanah Kebangsaan Sirkit 1/2022, baru-baru ini.

## Melaka perkenal Liga Bola sepak Wanita

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**BUAT** julung kalinya, Persatuan Bolasepak Melaka United (MUSA) bakal memperkenalkan Liga Bolasepak Wanita tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Bolasepak Wanita MUSA Dr Siti Faidul Maisarah Abdullah berkata, liga tersebut bakal menyasarkan sekurang-kurangnya lapan pasukan bertanding bagi merebut Piala Pusingan Datin Seri Utama Munira M Yusop.

Selain itu, johan juga bakal membawa pulang hadiah kemenangan RM3,000, manakala naib johan dan tempat ketiga bakal membawa pulang hadiah RM2,000 dan RM1,500.

Menurutnya, saingan itu dijangka akan bermula pada awal bulan depan dan dijadual berlangsung sehingga Mei di Padang 10 Wisma MUSA.

"Setiap pasukan wajib mendaftar sekurang-kurang-



SITI Faidul Maisarah mahu memperjuangkan bakat bola sepak wanita di Melaka melalui penganjuran Liga Bolasepak Wanita Melaka. (FOTO: MUSA)

nya 18 pemain dan hanyatiga sahaja pemain dibenarkan dari luar Melaka kerana kita mahu majoriti pemain terdiri dalam kalangan anak Melaka.

"Insya-Allah, pada 2 Mac ini akan diadakan 'soft launch' Liga Bolasepak Wanita Melaka ini di Hotel MITC yang akan dirasmikan

sendiri oleh isteri Ketua Menteri Datin Seri Utama Munira M Yusop," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, beliau

berkata, penganjuran julung kali itu adalah bertujuan untuk mencungkil lebih ramai bakat bola sepak tanpa mengira umur, jantina dan warna

kulit di negeri ini.

Ujar beliau, memandangkan Melaka mempunyai sejarah tersendiri dalam melahirkan bakat bola sepak wanita, kesinambungan menerusi sebuah kejohanan kompetitif perlu dilakukan bagi memastikan bakat-bakat ini tidak terkubur begitu sahaja.

"Memang banyak cabaran untuk menganjurkan liga ini, tetapi saya berkeras untuk memperjuangkannya kerana kita tahu potensi bola sepak yang ada di Melaka."

"Alhamdulillah, dengan sokongan pelbagai pihak termasuk ahli jawatankuasa dan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali sendiri, kejohanan ini dapat direalisasikan."

"Diharap, usaha yang dilakukan ini dapat membantu negara melahirkan bakat bola sepak wanita yang boleh mencapai kesatu tahap lebih tinggi suatu hari nanti," katanya.

## Penyokong tak dibenar makan, minum di stadium

**PENYOKONG** bola sepak tempatan masih tidak dibenarkan makan dan minum di dalam stadium pada musim baru Liga Malaysia (Liga-M) yang akan membuka tirai dengan perlawan sumbangsih pada 26 Feb ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Liga Bola Sepak Malaysia (MFL) Stuart Ramalingam memaklumkan, permintaan untuk memberi kebenaran kepada penyokong makan dan minum merupakan satu daripada tiga pertimbangan ditawarkan badan pengelola liga

tempatan itu yang ditolak kerajaan untuk musim baru Liga-M nanti.

Stuart berkata pertimbangan kedua pula melibatkan kebenaran bagi pemain yang disahkan negatif COVID-19 namun mempunyai kontak rapat dengan pemain positif wabak itu untuk terus bermain, berbanding perlu menjalani tempoh kuarantin ketika ini.

"Kita menggunakan peraturan antarabangsa untuk pertimbangan kedua ini... kita telah alami di Piala AFF 2022 baru-

baru ini yang mana terdapat dua pemain berkongsi bilik namun pemain yang negatif boleh main manakala positif kuarantin dalam bilik."

"Peraturan itu bukan kami cipta sendiri tetapi telah dilaksanakan di peringkat antarabangsa namun kita dapat maklum balas sebab peraturan kerajaan lain," katanya kepada pemberita selepas majlis memeterai kerjasama bersama rakan penaja baharu Liga-M, Luno, sebuah syarikat asset digital di Malaysia.

Selain itu, Stuart berkata pihaknya turut mencadangkan kuota kemasukan penyokong ditambah namun dengan syarat kedua-dua permintaan lain itu ditunaikan kerajaan terlebih dahulu.

Bagaimanapun, beliau berkata MFL memahami mereka perlu berwaspada dengan peningkatan mendadak kes COVID-19 sejak akhir-akhir ini dan akur dengan segala arahan dikeluarkan pihak berkuasa.

Stuart berkata ini kerana sebagai

rakan kerajaan, mereka bertanggungjawab memastikan keselamatan semua pihak terjamin terutamanya dalam membendung penularan wabak berkenaan.

Sementara itu, Stuart berkata kerjasama selama setahun bersama Luno dengan nilai tajaan berjumlah RM1 juta merangkumi pelbagai hak penjenamaan termasuk papan iklan di tepi padang, penggunaan logo kelab serta imej pemain dan pengakiran jenama di dalam stadium. - BERNAMA



Pangsapuri  
**Krubong Utama**

MyHome  
Subsidi  
**30K**

**RM180,000**

*Rumah Mampu Milik /  
MyHome*

*Pangsapuri  
5 Tingkat dengan Lif*

012 - 631 7892  
010 - 241 1874  
06 - 282 2535

Pemaju:



**SINMAH DEVELOPMENT SDN. BHD.**  
(a subsidiary of Sinmah Capital Berhad formerly known as Farm's Best Berhad)

211, Taman Melaka Raya, 75000 Melaka. Fax : 06-282 2518

✉ [www.sinmahdevelopment.com.my](http://www.sinmahdevelopment.com.my)

✉ [enquiry@sinmah.com.my](mailto:enquiry@sinmah.com.my)

3  
bilik tidur  
卧房

2  
bilik air  
浴室



• No Lesen Pemaju: 14708-1/05-2020/01926(L) • Tempoh Sah: 03.05.2019-02.05.2020 • No Jualan & Permit Iklan: 14708-1/05-2020/01926(P) • Tempoh Sah: 03.05.2019-02.05.2020 • Pihak Berkusa Meluluskan Pelan Bangunan: MBMB • No Ruj: MBMB/JKB03015/04/2016(10) • Bebanan Tanah: Tiada • Pegangan Tanah: Pajakan 99 tahun (28.12.2105) • Jumlah Unit / Harga Jualan: Rumah Pangsapuri 5 Tingkat: (120 unit) Min/Mak RM180,000 Sekatan-sekatan kepentingan: Tanah ini tidak dibenarkan dipindahmilik atau dipajak dengan apa cara sekalipun kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Pihak Berkusa Negeri. Sekatan kepentingan ini dikecualikan bagi pindahmilik atau pajakan pertama.

IKLANINI DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

>> Pemanah Melaka cemerlang ■ 30



MELAKA HARIINI / 21 FEBRUARI - 27 FEBRUARI 2022

# Sukan MELAKA HARIINI

>> Pencarian bakat bola sepak wanita ■ 30



ANTARA aksi persahabatan menentang Terengganu FC yang berkesudahan Melaka United tewas 0-1. Foto: MR Azli

## Bawa bertenang...

Mohamad Fazrul Abdul Majid & Faiz Hasan

**TEWAS** dalam dua aksi pra musim baru-baru ini tidak seharusnya menjadi kayu pengukur untuk membayangkan prestasi sebenar Kelab Bolasepak Melaka United (MUFC).

Pengurus pasukan, Muhammad Akram Abdullah berkata, masih terlalu awal untuk semua pihak mengadili kemampuan skuad Hang Tuah di bawah kendalian ketua jurulatih baharu, Risto Vidakovic.

Sebaliknya, beliau percaya aksi persahabatan yang dijalankan adalah medan untuk pengendali Bosnia dan Herzegovina itu untuk berekspresi dan mengenal pasti segala kekuatan dan kelemahan pasukan.

"Saya yakin jurulatih mempunyai ramuan terbaik dalam memperbaiki segala kelemahan yang ada."

"Apa yang penting kita tidak mahu memberi tekanan kepada pasukan kerana masa yang ada akan digunakan sebaiknya bagi membentuk pasukan yang mantap."

"Ini kerana kita percaya Melaka United memiliki pemain-pemain yang berkualiti musim ini yang mampu menggalas tugas dengan sebaiknya untuk pasukan," katanya.

Justeru, beliau meminta agar penyokong terus memberikan sokongan padu kepada pasukan sebagai persiapan

menghadapi pembukaan saingan Liga Super pada awal bulan depan.

Sebelum ini, Melaka United tewas kepada kelab Liga Premier, Selangor FC 11 0-4 pada aksi persahabatan pertama 9 Feb lalu.

Selepas itu, mereka turut tewas tipis 0-1 di tangan Terengganu FC dalam di Stadium Hang Jebat, 17 Feb lalu.

Sementara itu, Vidakovic dalam sidang media selepas aksi persahabatan menentang Terengganu FC kelihatan tenang dan mengakui gembira dengan prestasi anak buahnya meskipun tewas.

Katanya, pemain telah menunjukkan corak permainan yang diharapkan, selain memamerkan sikap mahu melawan.

"Secara keseluruhan saya gembira. Mereka bermain mengikut perancangan, jadi bagi saya ia satu kemajuan yang diinginkan."

"Walaupun pemain bermula agak lambat untuk menyesuaikan diri, tetapi mereka berjaya mencipta banyak peluang yang mana saya yakin jika kita akan lakukan lebih baik seiring dengan masa," katanya.

Beliau turut mengakui berdepan cabaran besar dalam menentukan kesebelasan utama pasukan memandangkan semua pemain yang dianggap cukup penting.

Justeru, beliau yakin, keampuhan skuad yang dimilikinya itu mampu mencipta satu kejutan musim ini.

RISTO Vidakovic kekal tenang meskipun tewas dalam dua aksi persahabatan. Foto: MR Azli



### Jadual perlawanan Melaka United 2022

PETALING JAYA CITY FC	VS	MELAKA UNITED FC	LIGA SUPER MALAYSIA
	VS		5 MAC 2022   SABTU   STADIUM MBPJ
PENANG FC	VS	MELAKA UNITED FC	8 MAC 2022   SELASA   STADIUM BANDARAYA
MELAKA UNITED FC	VS	SABAH FC	5 APRIL 2022   SELASA   STADIUM HANG JEBAT
KUALA LUMPUR CITY FC	VS	MELAKA UNITED FC	9 APRIL 2022   SABTU   STADIUM KLFA
SRI PAHANG FC	VS	MELAKA UNITED FC	16 APRIL 2022   SABTU   STADIUM DARUL MAKHMUR
MELAKA UNITED FC	VS	JOHOR DARUL TA'ZIM FC	25 JUN 2022   SABTU   STADIUM HANG JEBAT

www.melakahariini.my Melaka Hariini Melaka TV Grafik : Melaka Hariini. Sumber : Malaysian Football League (MFL)